

RM20 juta teruskan projek turap

2

Empangan mampu bertahan sembilan bulan

5

Bantu negeri capai hasil RM500 bilion

6

130,000 manfaat tuisyen percuma

7

selangorkini

PERCUMA

PP 19570/07/2020 (035196)

EDISI 8 - 14 OGOS 2024

www.selangorkini.my

21,000 penjawat awam naik gaji

MUKA 3

9TH SELANGOR SMART CITY & DIGITAL ECONOMY CONVENTION SDEC 2024

Konvensyen Bandar Pintar dan Ekonomi Digital Selangor

16-19 OKTOBER 2024
Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC)

DAFTAR SEKARANG!
www.selangorsummit.com
f i t x selangorsummit





Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari (tengah) bersama pemimpin negeri mengibarkan Jalur Gemilang sempena pelancaran Kempen Kibar Jalur Gemilang peringkat Selangor di bangunan pentadbiran negeri di Shah Alam pada 5 Ogos 2024. Foto REMY ARIFIN ► BERITA MUKA 2 & 3

10TH SELANGOR INTERNATIONAL EXPO FOOD & BEVERAGE SIE F&B 2024

EKSPLO ANTARABANGSA SELANGOR (MAKANAN & MINUMAN)

16-19 OKTOBER 2024
Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC)

4TH SELANGOR LIFE SCIENCES CONVENTION SLC 2024

KONVENSYEN SAINS HAYAT SELANGOR

16-19 OKTOBER 2024
Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC)




DAFTAR SEKARANG!

www.selangorsummit.com
f i t x selangorsummit

Dihoskan oleh



Dianjurkan oleh



Dianjurkan bersama



Program anjuran



Tidak pinggir ekonomi rakyat

PETALING JAYA - Program kebajikan yang terkandung dalam Iltizam Selangor Pennyayang (ISP) menjadi anjakan besar buat pentadbiran Selangor membangunkan ekonomi negeri.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari memberitahu ekonomi rakyat tidak dipinggirkan untuk memastikan mereka yang memerlukan terus dibantu demi kemakmuran bersama.

"Kita mulakan dengan Kasih Ibu Smart Selangor, kemudian Bantuan Kehidupan Sejahtera Selangor (BINGKAS). Jumlah bantuan dinaik dan ditambah lagi skim lain. Ini bukti ekonomi rakyat jadi tumpuan.

"Bermula reformasi 1998, kita cuba naikan ekonomi negeri. Saat mencari pelaburan, kita tetap utamakan ekonomi rakyat supaya dapat membantu mereka," katanya pada 2 Ogos.

Sertai kursus senggara pesawat

SHAH ALAM - Kerajaan Selangor menawarkan program latihan penyelenggaraan dan baik pulih enjin pesawat khusus untuk rakyat negeri ini bermula Oktober depan, bersekali bayaran elau.

Dikendalikan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) dan GE Engine Services Malaysia Sdn Bhd (GE Malaysia), program perintis selama 12 bulan itu boleh dimohon sehingga 31 Ogos.

Selain menerima sokongan mentor daripada pakar berkaitan, peserta juga akan didedahkan kepada industri aeroangkasa dan menjalani latihan industri serta peluang kerjaya bersama GE Malaysia.

Orang ramai yang berminat boleh hubungi talian 016-909 6110 atau 017-388 1401.

Pada September 2022, MBI melancarkan Program Perantis Aeroangkasa Selangor bagi memperkasa belia untuk menyertai industri berkenaan dalam membina rangkaian bakat atau tenaga kerja mampan.

IMBAS DI SINI
akhbar digital minggu lepas



10,000 meriah sambutan merdeka

SHAH ALAM - Lebih 10,000 pengunjung dijangka memeriah sambutan Hari Kebangsaan ke-67 peringkat negeri di Dataran Kemerdekaan Shah Alam, Seksyen 14 di sini pada 30 Ogos.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata pelbagai acara menarik disediakan termasuk perarakan, persembahan artis dan penyampaian anugerah kepada tokoh kemerdekaan.

"Jadi kita jemput semua datang un-

tuk memeriahkan sambutan," katanya selepas melancarkan Kempen Kibar Jalur Gemilang di bangunan pentadbiran negeri pada 5 Ogos.

Kempen bertema Malaysia Madani: Jiwa Merdeka berlangsung sepanjang Ogos hingga 16 September.

Amirudin turut menyerahkan bendera kepada wakil pihak berkuasa tempatan (PBT) serta pejabat daerah dan tanah bagi memeriahkan lagi sambu-

tan Hari Kebangsaan.

Beliau juga mengarahkan PBT dan pusat khidmat Dewan Undangan Negeri supaya mengeluarkan dana membeli bendera untuk diedar kepada penduduk setempat.

"Bendera yang kita kibarkan ini melambangkan jiwa bangsa merdeka yang harus kita tanamkan dalam hati sanubari rakyat, anak-anak, generasi serta pelapis masa depan," katanya.

Utamakan kerosakan serius

RM20 juta teruskan projek turap jalan

Oleh **NORRASYIDAH ARSHAD**

SHAH ALAM - Projek Turapan Mega diteruskan melalui peruntukan RM20 juta pada tahun ini bagi memastikan jalan raya di negeri ini dalam keadaan baik demi menjamin keselamatan pengguna.

Menurut EXCO infrastruktur, projek melalui dana tambahan Sistem Maklumat Rekod Jalan Raya Malaysia (MARRIS) melibatkan jalan negeri, pihak berkuasa tempatan (PBT) dan kampung.

Ir Izhah Hashim memberitahu pusat khidmat Dewan Undangan Negeri dan ketua kampung boleh membuat per-

mohonan kepada Jabatan Kerja Raya bagi memperbaiki mana-mana laluan yang rosak.

"Sebelum ini, kita baiki ikut had daerah tetapi kali ini kita utamakan permohonan awal dan tahap kerosakan serius," katanya pada 31 Julai.

Beliau berkata projek itu dibuat secara tahunan supaya lebih berkesan berikutan jalan hanya memerlukan kos selenggara berbanding kos tinggi jika diadakan empat atau lima tahun sekali.

Tahun lalu, Kerajaan Selangor berbelanja kira-kira RM50 juta bagi menjayakan projek turapan jalan mega meliputi penyelenggaraan dan pelebaran laluan

yang dijalankan secara menyeluruh.

Meliputi jarak keseluruhan 94.9 kilometer, kerja itu melibatkan 66 jalan di Petaling diikuti Klang (39), Gombak (29), Hulu Langat (27), Sepang (19), Sabak Bernam (17), Kuala Langat (16), Kuala Selangor (11) dan Hulu Selangor (lapan).

Pemilihan jalan berdasarkan aduan tertinggi daripada orang awam yang dilapor menerusi laman X atau aplikasi Infrasel kendalian anak syarikat negeri iaitu Infrasel Sdn Bhd (Infrasel).

Sejak 2021 hingga tahun lalu, lebih 39,000 kerja turapan dijalankan Infrasel bagi memastikan keselesaan dan keselamatan pengguna jalan raya.

200,000 rumah menjelang 2026

BENTONG - Selangor berada pada landasan tepat bagi menjayakan hasrat membina 200,000 unit rumah mampu milik menjelang 2026, kata EXCO Perumahan Borhan Aman Shah.

Beliau memberitahu program bawah Rumah Selangorku itu menyasar pembinaan 40,000 unit kediaman sedemikian pada setiap tahun dengan setiap projek berjalan mengikut jadual.



"Kita juga telah pindahkan Dasar Perumahan Rumah Selangorku 2.0 kepada 3.0 yang turut bantu bina Rumah Idaman dan Rumah Harapan bagi projek Smart Sewa," katanya pada 1 Ogos.

Borhan merasmikan Simposium Pengurusan Strata Kelas

Pertama 2024 anjuran Majlis Perbandaran Kuala Selangor yang disertai 150 peserta dari seluruh negara di Genting Highlands di sini.

Beliau menjelaskan lebih 1,000 unit kediaman Smart Sewa disediakan Kerajaan Negeri sejak skim berkenaan diperkenalkan pada 2015.

Menurutnya, banyak pemaju berminat untuk membina kediaman Smart Sewa yang turut menawarkan pelbagai kemudahan termasuk tempat letak kenderaan dan kolam renang.

"Skim ini tidak ada di negeri lain, hanya di Selangor. Sekarang ada lebih 1,000 unit rumah dan saya yakin akan tercapai 3,000 unit rumah Smart Sewa menjelang 2025."

Air percuma jimat RM100 juta

KUALA LUMPUR - Skim air percuma secara bersasar menjimatkan perbelanjaan lebih RM100 juta setahun sekali gus membantu pentadbiran negeri mengadakan lebih banyak bantuan kebajikan.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata program itu termasuk pemberian Bantuan Kehidupan Sejahtera Selangor (BINGKAS) RM300 sebulan selain inisiatif berbentuk pendidikan.

"Lebihan kita tumpu kepada

ekonomi rakyat. Naikkan kadar BINGKAS. Tumpu kepada pendidikan, jalin kerjasama dengan Pembangunan Kemahiran Teknikal Negeri Selangor," katanya.

Beliau berkata demikian dalam bual bicara Ekonomi Madani: Pengalaman Selangor Untuk Malaysia pada 2 Ogos.

Menjelaskan orang kaya turut menikmati skim air percuma sebelum ini hingga menelan kos RM200 juta setahun, Amirudin menambah sekitar

300,000 mendaftar skim bersasar dalam tiga tahun.

"Semua dapat termasuk yang ada kolam renang, banyak rumah sewa. Selepas ini (skim bersasar), kita hanya beri ikut tangga gaji, rumah kos rendah dan biayai kos air surau dan masjid.

"Maknanya, hanya mereka (300,000 pendaftaran daripada 600,000 sasaran) perlukan bantuan ini. Dari RM200 juta setahun, kita hanya perlu belanja antara RM40 juta ke RM60 juta," katanya.



TERBAHARU... Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari (dua, kanan) bersama Pengerusi i-City Selangor Tengku Datuk Seri Ahmad Shah Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (dua, kiri) merasmikan majlis pecah tanah SkyCity di Hotel Double Tree, Shah Alam pada 6 Ogos. FIKRI YUSOF ► BERITA MUKA 4

Pengumuman 16 Ogos

21,000 penjawat awam naik gaji

Oleh **NORRASYIDAH ARSHAD**

SHAH ALAM - Lebih 21,000 penjawat awam negeri bakal menikmati kenaikan gaji selaras pengumuman Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 1 Mei.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menjelaskan kadar baharu tersebut bergantung kepada kenaikan yang ditetapkan kerajaan persekutuan yang akan dimaklumkan pada 16 Ogos.

"Kita ikut (persekutuan) dan lihat kadar ditetapkan. Dengan rizab yang ada, kita boleh beri (kenaikan)," kata-

nya selepas melancarkan Kempen Kibar Jalur Gemilang peringkat negeri pada 5 Ogos.

Terdahulu, pada 19 April, Anwar menerusi hantaran di Facebook memaklumkan kerajaan akan mengumumkan cadangan penambahbaikan termasuk usaha meningkatkan kadar pendapatan bersih penjawat awam.

Beliau yang juga Menteri Kewangan menegaskan pendapatan menyeluruh minimum penjawat awam sebanyak RM1,795 adalah tidak muhasabah.

"Bermula tahun ini, sistem saraan akan memulakan satu kriteria ukuran baharu yang harus diteliti oleh swasta

iaitu pendapatan menyeluruh gaji dan elaun tetap perlu melebihi RM2,000. Ini bermakna, apabila naik maka yang lain sudah tentu naik," ujarnya.

Sempena Hari Pekerja pada 1 Mei, Anwar mengumumkan pelarasan gaji penjawat awam membabitkan kenaikan lebih 13 peratus, tertinggi dalam sejarah. Kenaikan terakhir sekitar 13 peratus pada 2013.

Pada 18 Julai, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Datuk Seri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz berkata pengumuman kadar kenaikan akan diumumkan Anwar di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya pada 16 Ogos.

Susun program perkasa rakyat

SHAH ALAM - Sistem Pangkalan Data Utama (PADU) dan Bank Data Kemiskinan Nasional (eKasih) bakal digunakan Kerajaan Selangor bagi menilai kesenjangan pendapatan penduduk negeri ini.

Dato' Menteri Besar berkata ia membantu pentadbirannya menyusun program memperkasa rakyat selaras status negeri baharu berpendapatan tinggi seperti dilapor Bank Dunia, Julai lalu.

Dato' Seri Amirudin Shari menjelaskan usaha itu juga dinyatakan dalam tawaran manifesto pilihan raya negeri tahun lalu, termasuk menawarkan peluang pekerjaan berpendapatan tinggi.

"Kita sudah capai sasaran lengkap kadar purata, sekarang ingin mengurangkan kesenjangan antara pendapatan rendah dan tinggi, jadi teliti dan lihat data terperinci termasuk tidak rasmi.

"Ini disebabkan ada juga capai pendapatan tinggi dalam sektor tidak rasmi, jadi kita akan rujuk dengan kementerian ekonomi untuk ukur pendapatan peribadi serta peningkatan gaji," katanya pada 5 Ogos.

Amirudin berkata pentadbirannya akan terus berusaha dan bekerja keras untuk meningkat nilai ambang pendapatan meski tersenarai negeri

berpendapatan tinggi.

Bulan lalu, pakar ekonomi Bank Dunia di Malaysia Dr Apurva Sanghi memaklumkan Selangor sebagai negeri baharu berpendapatan tinggi berdasarkan Laporan Bank Dunia.

Negeri tersebut mencapai pendapatan negara kasar (GNI) USD14,291 (RM67,374), melepasi paras GNI per kapita peringkat negeri iaitu USD14,005 (RM66,026).

Empat negeri yang melepasi tahap sama ialah Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Sarawak dan Labuan melepasi tahap berkenaan dengan wilayah ibu negara tertinggi iaitu USD29,967 (RM141,279).

Tingkat usaha pendigitalan negeri

SHAH ALAM - Kerajaan Selangor menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan penyedia perkhidmatan awan, Enfrasys Solutions bagi mengoptimumkan pendigitalan ekonomi dan perkhidmatan negeri.

Dato' Menteri Besar berkata Kerajaan Negeri berusaha mengenal pasti rakan kongsi utama untuk meningkatkan kemahiran tenaga kerja seiring status negeri berpendapatan tinggi.

"Usaha seperti ini selaras dengan komitmen Kerajaan Negeri untuk menjadikan minda mengutamakan digital bukan satu pilihan, tetapi satu norma.

"Kita tidak boleh terperangkap dalam gelembung digital kerana teknologi dipakai mestilah mesra pengguna dan menjurus ke arah menyelesaikan masalah yang dihadapi orang ramai setiap hari," kata Dato' Seri Amirudin Shari pada 6 Ogos.

4,000 terima insentif MamaKerja

SHAH ALAM - Seramai 4,042 ibu berkerja di Selangor menerima bantuan tunai RM1,000 setiap seorang melalui inisiatif MamaKerja setakat 11 Julai, kata Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari menjelaskan pemberian tersebut bertujuan meringankan beban golongan tersebut selaras Janji 100 Hari Kerajaan Perpaduan dalam pilihan raya negeri lalu.

"Sasarannya 5,000 ibu dibantu, bermakna masih ada ruang untuk permohonan baru. Ibu-ibu hebat yang berminat boleh cuba mohon selagi belum ditutup," katanya di Facebook pada 31 Julai.

Beliau menambah pentadbiran negeri berhasrat menjadikan insentif yang boleh dipohon melalui mamakerja.selangkah.my sebagai program tahunan.

Sedia tapak niaga pasar tani

SHAH ALAM - Tapak khas untuk peniaga yang beroperasi setiap Ahad di Bazarena Stadium Shah Alam di sini disediakan dalam pembangunan Kompleks Sukan Shah Alam (KSSA).

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari memberitahu perkara itu dimasukkan dalam rancangan demi memastikan golongan tersebut dapat mencari sumber pendapatan seperti biasa.

"Dalam pelan pembangunan, memang ada kawasan untuk mereka berniaga. Kita jamin semua boleh berniaga di ruang yang kita tetapkan.

"Saya akan pastikan semua dapat berniaga cuma mereka kena mempunyai lesen. Bukan yang masuk secara tidak sah," kata beliau pada 5 Ogos.

SkyCity tarikan terbaharu di i-City

SHAH ALAM - Menara SkyCity setinggi 54 meter di i-City di sini bakal menjadi tarikan terbaharu pelancong ke negeri ini sempena Tahun Melawat Selangor 2025.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata projek bernilai RM15 juta dijadual dibuka pada Disember sempena Hari Keputeraan Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj.

Menurut beliau, menara dengan ge-longsor kaca sepanjang 600 meter itu di-jangka menarik kira-kira lima juta pengun-jung atau bersamaan 70 peratus daripada sasaran kehadiran tujuh juta pelancong tahun depan.

"Ini boleh dianggap sebagai pelancon-gan kerana ia memerlukan pelawat menginap sekurang-kurangnya satu malam di hotel, mengklasifikasikan me-reka sebagai pelancong," katanya selepas majlis pecah tanah di Hotel DoubleTree by Hilton di sini pada 6 Ogos.

Pilihan 168,116 pelancong kesihatan

SHAH ALAM - Seramai 168,116 pelancong dari Indonesia memilih Selangor sebagai destinasi untuk mendapatkan rawatan kesihatan sepanjang tahun lalu, kata Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari memberitahu bilangan berkenaan meningkat sebanyak 62.5 peratus atau 64,668 pelancong ber-banding 103,448 orang pada 2022.

"Pelancongan perubatan di Selangor menyaksikan pertumbuhan memberang-sangkan dengan kemasukan 64.49 juta pesakit dari negara luar dan 87.98 juta pelancong kesihatan.

"Pada 2023, Selangor mencatat kema-sukan pelancong dari Indonesia tertinggi dengan 168,116 pelawat," katanya di Face-book pada 1 Ogos.

Menurut beliau, kemudahan penerban-gan mingguan daripada pelbagai destina-si di Indonesia ke Selangor memudahkan pelancong republik itu mendapat rawatan sambil bercuti di negeri ini.

"Dengan 354 penerbangan mingguan dan aksesibiliti di negeri ini adalah sangat mudah untuk pelancong mendapatkan rawatan perubatan," katanya lagi.

Kerajaan Negeri menganjurkan pa-meran pelancongan perubatan (MHExpo) di Surabaya, Indonesia selama empat hari bermula 1 hingga 4 Ogos.

SIBS jana nilai transaksi RM12.2 bilion

SHAH ALAM - Siri pertama Sidang Kemuncak Perniagaan Antarabangsa Selangor (SIBS) 2024 menjana nilai transaksi RM12.2 bilion, hampir dua kali ganda daripada sasaran keseluru-han RM7 bilion.

Invest Selangor memaklumkan kejayaan luar biasa itu turut menarik lebih 8,500 pelawat ke persidangan di Pusat Konvesyen Kuala Lumpur sela-

ma tiga hari pada 25 hingga 27 Julai.

"Sebanyak 23 surat setuju terima (LOA), surat hasrat (LOI), memoran-dum perjanjian (MoA), dan mem-orandum persefahaman (MoU) di-meterai sepanjang SIBS siri pertama berlangsung.

"Jumlah nilai transaksi daripada rundingan yang dilakukan dan per-tukaran dokumen mencecah RM12.2

bilion tahun ini, melepasi sasaran RM7 bilion yang ditetapkan untuk ke-seluruhan SIBS 2024," katanya dalam kenyataan pada 5 Ogos.

Sebelum ini, Ketua Pegawai Ek-sekutif Invest Selangor Datuk Hasan Azhari Idris menjangkakan SIBS 2024 siri pertama berupaya menjana nilai transaksi RM3.5 billion dari sasaran keseluruhan sebanyak RM7 bilion.

Enam syarikat beroperasi di Subang

Perkukuh hab aeroangkasa negeri

Oleh **FITRI HAZIM HAZAM**

SHAH ALAM - Operasi semula enam syarikat penerbangan di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang di sini mengukuhkan matlamat Selangor sebagai hab sektor aeroangkasa serantau.

EXCO Pelaburan Ng Sze Han memberitahu pembu-kaan semula lapangan ter-bang itu tepat pada masanya demi memajukan industri pener-bangan dan aeroangkasa di Selangor

dan Lembah Klang.

Beliau menjelaskan usaha menera-jui industri aeroangkasa termuat dalam Rancangan Selangor Pertama dan Pelan Tindakan Aeroangkasa Selangor sekali gus memacu ekonomi negeri dan negara.

"Operasi tersebut juga menarik pelaburan dalam bidang pembuatan dan selenggara kapal terbang yang terus berkembang di rantau ini pascapande-mik Covid-19," katanya pada 2 Ogos.

Beliau menambah bilangan pe-

numpang udara dijangka meningkat 4.7 peratus setiap tahun untuk 20 ta-hun ke hadapan berdasarkan laporan pengeluar kapal terbang Boeing pada minggu lalu.

Menteri Pengangkutan berkata enam syarikat antaranya FireFly, AirAsia, Batik Air Malaysia dan Transnusa me-nyambung semula operasi mulai 1 Ogos menggunakan pesawat lorong tunggal.

Menurut Anthony Loke, opera-si tersebut dijalankan antara 6 pagi hingga 10 malam tanpa penerbangan tengah malam berikutan lapangan ter-bang itu terletak berdekatan kawasan perumahan.



Tingkat mutu pengangkutan udara

SHAH ALAM - Operasi sem-ula enam syarikat pener-bangan di Subang mulai 1 Ogos meningkatkan lagi rangkaian pen-gangkutan udara Ma-laysia, kata ahli ekonomi Prof Barjoyai Bardai.

Beliau menjelaskan pem-bukaan Lapangan Terbang Sul-tan Abdul Aziz Shah itu memenuhi keperluan penduduk sekitar ibu ne-gara, Shah Alam, Klang dan Putrajaya selain faktor ekonomi.

"Ia lapangan terbang terdekat dan paling berkesan untuk penganguk-tan kargo kerana banyak industri ter-letak berhampiran lapangan terbang

itu sekali gus mengurangkan kos logistik.

"Selain itu, terdapat pel-bagai perkhidmatan ter-utama berkaitan pesawat dan perkhidmatan penye-lenggaraaan yang ter-sedia di lapangan terbang tersebut," ka-tanya.

Seorang lagi pakar ekonomi Prof Emeritus Datuk Zakariah Abdul Rashid percaya keputusan menyambung semula operasi di situ banyak membawa sumba-ngan kepada ekonomi negara.

Beliau menambah ia dijangka

menarik lebih banyak syarikat pe-nerbangan dan pelaburan yang ber-potensi menjadikan lapangan ter-bang itu sebagai hab penerbangan serantau.

"Banyak syarikat penerbangan menunjukkan minat untuk menggunakan lapangan terbang itu, maka pela-buran modal tetap yang tinggi akan masuk.

"Pastinya, ini me-manfaatkan Selangor khususnya dan Malaysia secara amnya dalam pelan strategik mereka untuk mem-promosi industri aeroangkasa dan pekerja mahir," katanya.

WAKTU SOLAT
8-14 OGOS 2024
8-9 SAHARI 1446H

Hulu Selangor, Gombak, Petaling, Shah Alam, Hulu Langat dan Sepang

	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
08 Khamis	5:51	6:01	7:11	1:22	4:40	7:28	8:40
09 Jumaat	5:51	6:01	7:11	1:22	4:40	7:28	8:40
10 Sabtu	5:51	6:01	7:11	1:21	4:40	7:28	8:40
11 Ahad	5:51	6:01	7:10	1:21	4:39	7:28	8:39
12 Isnin	5:51	6:01	7:10	1:21	4:38	7:27	8:39
13 Selasa	5:51	6:01	7:10	1:21	4:38	7:27	8:38
14 Rabu	5:51	6:01	7:10	1:21	4:37	7:27	8:38

Klang dan Kuala Langat

	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
	5:52	6:02	7:12	1:22	4:41	7:28	8:40
	5:52	6:02	7:12	1:22	4:41	7:28	8:40
	5:52	6:02	7:12	1:22	4:40	7:28	8:40
	5:52	6:02	7:12	1:22	4:40	7:28	8:39
	5:52	6:02	7:11	1:22	4:39	7:27	8:39
	5:52	6:02	7:11	1:21	4:39	7:27	8:38
	5:52	6:02	7:11	1:21	4:38	7:27	8:38

Sabak Bernam dan Kuala Selangor

	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
	5:53	6:03	7:12	1:24	4:43	7:31	8:43
	5:53	6:03	7:12	1:24	4:42	7:31	8:42
	5:53	6:03	7:12	1:24	4:42	7:30	8:42
	5:53	6:03	7:12	1:24	4:41	7:30	8:42
	5:53	6:03	7:12	1:23	4:41	7:30	8:41
	5:53	6:03	7:12	1:23	4:40	7:30	8:41
	5:53	6:03	7:12	1:23	4:40	7:29	8:41



PERIKSA... EXCO Infrastruktur Ir Izham Hashim (kiri) bersama Ahli Parlimen Kota Raja Datuk Seri Mohamad Sabu (tengah) melihat pam skru baharu ketika majlis perasmian Rumah Pam Taman Sri Muda di Shah Alam pada 5 Ogos. Foto MOHD KHAIRUL HELMY MOHD DIN

Bertahan sembilan bulan

580 juta meter padu simpanan air

Oleh **ZAREEF MUZAMMIL**

SHAH ALAM - Selangor memiliki lebih 580 juta meter padu simpanan air mentah untuk dibekal kepada rakyat negeri ini seterusnya sedia berdepan kemungkinan kemarau yang melanda negara.

Bekalan meliputi tujuh empangan termasuk Kolam Takungan Sungai Labu (ORS) dan 100 kolam hiliran membabitkan tiga lembangan utama boleh bertahan sekurang-kurangnya sembilan bulan.

Pengarah Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) Hasrolnizam Shaari menjelaskan paras air semua empangan melebihi 90 peratus berdasarkan Sistem Penguru-

san Maklumat Sumber Air Bersepadu.

"Kapasiti itu bersamaan lebih 500 juta meter padu air yang mampu bertahan lebih enam bulan. Ia boleh digunakan ketika aliran sungai tidak mencukupi dan tiada hujan," katanya.

Katanya, LUAS tidak bergantung kepada air empangan tetapi memiliki kolam hiliran meliputi Sungai Selangor, Sungai Langat dan Sungai Klang yang menghasilkan 80 juta meter padu.

"Jika Selangor berdepan situasi seperti yang dilalui negeri yang kekurangan air mentah, simpanan kita ada, boleh bertahan sembilan bulan," katanya pada 31 Julai.

Meminta orang ramai tidak gusar, Hasrolnizam turut menasihati semua

pihak supaya mempraktik amalan sihat penggunaan air terawat iaitu menggunakan sumber sebanyak 260 liter sehari.

"Jika penduduk ambil pendekatan sama iaitu guna air 260 liter sehari, mungkin dengan keadaan semasa ini kapasiti bekalan yang kita ada mampu bertahan.

"Sekiranya berlaku kemarau berpanjangan lebih sembilan bulan, kemungkinan air yang dibekal tidak cukup untuk penggunaan tempoh lebih panjang," katanya lagi.

Susulan fenomena cuaca panas berpanjangan, paras air beberapa empangan di Kedah dan Perak mengalami penyusutan antaranya Empangan Bukit Merah serta Empangan Muda.

Tambah pam baharu di Sri Muda

KLANG - Penambahan tiga unit pam skru baharu di pintu air Taman Sri Muda di sini berupaya mengepam keluar air lima kali ganda sekali gus mengurangkan risiko banjir di kawasan berhampiran.

Memiliki kapasiti keseluruhan 5,100 liter sesaat, pam bernilai RM7.1 juta yang siap sejak Mei mampu menyedut dan mengeluarkan sampah tanpa sangkut, kata EXCO infrastruktur.

Menurut Ir Izham Hashim, pembinaan itu tambahan kepada tiga unit sedia ada yang berfungsi dengan cekap

untuk jangka panjang bagi mengalihkan lebih air jika berlaku hujan lebat.

"Keseluruhan kapasiti pam di pintu air Taman Sri Muda kira-kira 6,000 liter sesaat. Taman Sri Muda sentiasa diberi perhatian kerana ia kawasan rendah dan menerima air yang banyak.

"Kapasiti (pam baharu) lebih laju untuk mengepam dan sampah tidak sangkut. Kalau pam biasa, bila ada sampah akan tersumbat. Selain itu, ia sesuai untuk jangka panjang," katanya.

Beliau merasmikan rumah pam tersebut bersama Menteri Pertanian

dan Keterjaminan Makanan yang juga Ahli Parlimen Kota Raja Datuk Seri Mohamad Sabu di sini pada 5 Ogos.

Ir Izham menambah projek itu meliputi skop lebih luas seperti perlindungan cerun dan tebing, pemasangan bekalan kuasa oleh Tenaga Nasional Berhad dan pembinaan kuarters penjaga rumah pam.

Taman Sri Muda antara kawasan terjejas teruk dalam bencana banjir luar biasa pada Disember 2021, yang meragut 25 nyawa termasuk enam warga asing di Selangor.

Cegah banjir kawasan kritikal

SHAH ALAM - Pelbagai projek giat dilaksanakan kerajaan persekutuan dan Selangor termasuk meningkatkan pengurusan prasarana bagi menangani masalah banjir secara menyeluruh.

EXCO Infrastruktur Ir Izham Hashim menjelaskan usaha itu antaranya menambah ketinggian tembok banjir sedia ada di sepanjang Sungai Klang selain menaik taraf rumah pam di kolam takungan.

"Usaha berterusan Selangor, pusat dan pihak berkuasa tempatan untuk selesaikan isu banjir secara holistik sebagai persiapan jika berlaku banjir lebih besar," katanya pada 5 Ogos.

Selangor turut memohon semula projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Langkat 2 (Hulu Langkat) dan RTB Sungai Buloh Fasa 2 bernilai RM1.2 bilion kerana ia melibatkan lembangan yang luas untuk kawasan kritikal.

Paras empangan negeri baik

SHAH ALAM - Cuaca panas berpanjangan ketika ini tidak menjejaskan takungan tujuh empangan utama yang menjadi sumber bekalan air kepada pengguna di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Merujuk kepada Sistem Pengurusan Maklumat Sumber Air Bersepadu, EXCO infrastruktur berkata bacaan Empangan Sungai Semenyih pada tahap 100 peratus manakala Sungai Langat (99 peratus).

Ir Izham Hashim menambah kapasiti Empangan Tasik Subang pula pada tahap 98 peratus diikuti Batu (95 peratus), Sungai Tinggi (94 peratus) dan Sungai Selangor (93 peratus) setakat 30 Julai.

"Hanya Empangan Klang Gates pada tahap 80 peratus tetapi ia tidak menjejaskan bekalan kepada pengguna. Kolam takungan Sungai Labu pula pada tahap 99 peratus," katanya pada 31 Julai.

Aktifkan pam jika empangan susut

SHAH ALAM - Operasi Pengepaman Air Kolam diaktif sebagai alternatif menghasilkan sumber air mentah baharu jika kapasiti tujuh empangan termasuk Kolam Takungan Sungai Labu (ORS) susut sehingga 60 peratus.

Pengarah Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) Hasrolnizam Shaari berkata sumber air dalam tanah juga dimanfaatkan pada musim kering melebihi enam bulan bagi menjamin tambahan bekalan mentah.

"Ini menjadikan simpanan air yang ada boleh bertahan sehingga setahun tiga bulan daripada sembilan bulan sedia ada (simpanan dari empangan dan kolam hiliran). Kita dokumenkan perkara ini termasuk bangunan prosedur kerja," katanya pada 31 Julai.

Kaji semula akta selia rumah strata

BENTONG - Kerajaan Negeri berharap peruntukan Akta 757 yang mengawal selia penyenggaraan dan pengurusan bangunan strata dikaji semula bagi menjamin kesejahteraan penduduk setempat.

EXCO Perumahan Borhan Aman Shah memberitahu isu pengurusan strata telah berlarutan puluhan tahun tetapi pentadbiran negeri tidak memiliki bidang kuasa khusus untuk menghulur bantuan.

"Saya harap ia (Akta 757) dikaji semula dan diperkasa. Kita terikat kerana negeri tiada bidang kuasa. Kalau ada penambahbaikan, negeri boleh masuk (campur tangan) untuk kita bantu.

"Masalah strata ini paling besar dan berlarutan puluhan tahun. Ia cabaran kepada kita. Saya juga diarah Dato' Menteri Besar supaya fokus pada pengurusan strata," katanya pada 1 Ogos.

Didik kurangkan guna beg plastik

SHAH ALAM - Kempen kesedaran bebas beg plastik akan dilaksanakan dalam kalangan murid sekolah rendah di negeri ini pada tahun depan, kata EXCO Kepenggunaan Datuk Rizam Ismail.

Beliau menjelaskan program dengan kerjasama Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar itu bertujuan mendidik kanak-kanak kepentingan alam sekitar melalui penguangan penggunaan beg plastik.

"Kempen ini dijalankan sejak beberapa tahun lalu dengan melibatkan kedai runcit dan pasar raya. Kita mahu didik orang ramai kesan penggunaan beg dan perlu tambah baik supaya matlamat sampai.

"Kita sedang rangka hal ini. Kalau naikan harga caj (beg plastik), ia dilihat kurang berjaya. Jadi, kita sasar murid untuk diberi kesedaran berhubung perkara ini," katanya pada 31 Julai.

Sungai Klang sumber air baharu

SHAH ALAM - Peningkatan kualiti air Sungai Klang bakal memenuhi hasrat Kerajaan Selangor untuk menjadikannya sumber bekalan air baharu kepada penduduk menjelang 2025.

Pengarah Lembaga Urus Air Selangor Hasrolnizam Shaari berkata ia juga diperlukan bagi menampung permintaan tinggi penduduk Lembah Klang, mencecah sembilan juta orang.

"Sungai Klang adalah sungai utama di Lembah Klang dan banyak aktiviti berlaku di sini. Justeru, sayang jika kita tidak gunakan sumber air daripada sungai itu.

"(Ditambah pula) pengguna air terawat kita besar lebih kurang sembilan juta orang, jadi kita perlukan sumber air yang banyak," katanya dalam program Hai Selangor pada 5 Ogos.

Sekat jualan rokok elektronik

SHAH ALAM - Cadangan untuk menyekat penjualan rokok elektronik (vape) kepada golongan pelajar akan dibincang dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dalam masa terdekat.

EXCO Sumber Manusia V Papparaidu memberitahu cadangan tersebut ekoran kejadian pelajar tingkatan empat di Terengganu yang dalam keadaan kritikal selepas dikatakan menghisap vape.

Beliau menegaskan usaha bersepa-

du harus dijalankan meliputi jabatan kerajaan, pihak berkuasa tempatan dan penguat kuasa bagi menyekat penjualan vape kepada golongan pelajar.

"Banyak papan tanda larangan merokok tetapi penguatkuasaan penjualan perlu diperketat. Kita syor Kerajaan Selangor teliti semula supaya ini tidak jadi amalan," katanya pada 4 Ogos.

Papparaidu juga memaklumkan perkara tersebut akan dibincangkan bersama EXCO Kesihatan Awam Jama-

liah Jamaluddin dan EXCO Kerajaan Tempatan Dato' Ng Suee Lim.

"Amalan vape boleh membawa kepada budaya merokok dan perlu ada tindakan tegas kepada peniaga yang menjual kepada pelajar," katanya lagi.

Baru-baru ini, pelajar berusia 16 tahun tidak sedarkan diri selepas dipercayai menghisap vape jenis 'magic mushroom' secara berlebihan di sebuah sekolah di Kemaman, Terengganu.

Semikonduktor pacu ekonomi

Bantu negeri capai hasil RM500 bilion

Oleh **NORRASYIDAH ARSHAD & YASMIN RAMLAN**

SUBANG JAYA - Pembangunan sektor semikonduktor membantu Selangor menyumbang RM500 bilion kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dalam tempoh tiga tahun ini.

Dato' Menteri Besar berkata sokongan dasar dan pelan negeri membolehkan Selangor mempunyai kelebihan sekali gus mampu bergerak meningkatkan rantaian nilai ekonomi.

"Selangor tidak bercadang menjadi pemain industri yang kecil sebaliknya berhasrat melihat masa depan se-

mikonduktor dengan lebih besar dan memiliki label (produk) Buatan Malaysia, direka di Selangor.

"Inilah matlamat kita. Ini penting jika kita mahu menjadikan Selangor sebagai negeri pertama di Malaysia memiliki nilai ekonomi RM500 bilion dalam tempoh tiga tahun akan datang," kata Dato' Seri Amirudin Shari.

Beliau menghadiri majlis pelancaran taman reka bentuk litar bersepadu (IC) semikonduktor Malaysia di Puchong Financial Corporate Centre (PFCC) yang dirasmikan Menteri Ekonomi Rafizi Ramli pada 6 Ogos.

Sementara itu, EXCO pelaburan berkata industri semikonduktor di Sela-

ngor akan diperkukuh menerusi pembangunan taman reka bentuk IC kedua, kata EXCO pelaburan.

Ng Sze Han berkata perancangan awal itu dibuat susulan permintaan tinggi pemain industri dan perbincangan dengan pelbagai pihak sedang dilaksana termasuk mengenal pasti lokasi sesuai.

"Meskipun taman reka bentuk IC pertama di Puchong akan dirasmikan bulan ini tetapi kita sudah ada permintaan untuk membangunkan taman reka bentuk IC kedua. Ini menunjukkan Selangor berada di landasan terbaik untuk menjadi pemain utama sektor semikonduktor," katanya pada 30 Julai.

2,000 peniaga terima latihan digital

SEPANG - Hampir 2,000 usahawan tempatan memanfaatkan program Selangor 1000 Digital bagi memperluas perniagaan melalui kaedah transformasi digital sejak diperkenalkan pada Mei.

EXCO Keusahawanan Najwan Halimi memberitahu program yang memasuki siri tiga itu mendapat sambutan baik khususnya usahawan muda yang mahu meningkatkan lagi prospek perniagaan mereka.

"Kehadiran di Sepang paling tinggi iaitu 831 usahawan berbanding siri sebelum ini di Petaling lebih 600 orang dan Sabak Bernam kira-kira 200 individu.

"Ini inisiatif negeri bagi memberdaya usahawan muda dengan memberi pendedahan tentang kaedah serta perubahan ekosistem semasa," katanya dalam majlis perasmian program itu pada 31 Julai.

Beliau menjelaskan usahawan dapat menggunakan teknologi untuk mempromosi produk masing-masing selain mendapatkan khidmat nasihat pemain industri yang dibawa dalam program berkenaan.

Najwan berkata pihaknya mahu memberi tumpuan dengan melatih usahawan dalam talian bagi dua siri seterusnya di Hulu Langat dan Gombak pada September.

Peluang perjelas projek SABDA

SHAH ALAM - Karnival Ban Canal di Sungai Panjang, Sabak Bernam pada November menjadi platform bagi memperkenalkan Kawasan Pembangunan Sabak Bernam (SABDA) kepada pelancong.

Menurut EXCO Kemajuan Desa Datuk Rizam Ismail, festival sukan air selama tiga hari memudahkan orang ramai memahami pelan rancangan lokasi itu sekali gus mengetahui manfaat kepada penduduk.

Beliau berkata acara dalam karnival anjuran Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI yang diadakan sejak 2022 dengan pengisian berkaitan SABDA selain aktiviti kekeluargaan.

Menyasar 15,000 pengunjung berbanding 13,000 orang pada tahun lalu, beliau juga mencadangkan supaya karnival tersebut dimasukkan dalam kalendar Tahun Melawat Selangor 2025.

"Sabak Bernam antara lokasi menarik untuk dikunjungi terutama yang

mencintai suasana kampung dan budaya lama. Orang ramai boleh melihat rutin kehidupan petani dan nelayan.

"Boleh juga mencuba pelbagai aktiviti kampung. Walaupun kawasan makin membangun tetapi tradisi lama masih dikekalkan," katanya lagi pada 31 Julai.

Program yang dijadual berlangsung pada 15 hingga 17 November menyajikan pelbagai pertandingan sukan air antaranya perahu naga dan berkayak.



CERIA... EXCO Pembasmian Kemiskinan Papparaidu Veraman (tengah) bersama penerima sumbangan dalam majlis penyerahan motosikal Program BikeCare-1000 di bangunan pentadbiran negeri, Shah Alam pada 4 Ogos. Foto ZULFADHLI ZAKI ▶ BERITA MUKA 8

Perkenal aplikasi mudah alih

130,000 manfaat tuisyen percuma

Oleh **SUHAILA SHAHRUL ANNUAR**

KUALA LANGAT - Seramai 130,000 pelajar tingkatan empat dan lima seluruh negeri menikmati Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS) yang ditawarkan secara percuma pada tahun ini.

Ketua Yayasan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI berkata program itu melibatkan pelajar daripada lebih 230 sekolah melalui dana RM10 juta berbanding RM7 juta tahun lalu.

"PTRS terbahagi dua peringkat iaitu pelajar tingkatan empat dan lima dalam mata pelajaran iaitu bahasa Melayu, bahasa Inggeris, matematik, sains, sejarah dan matematik tambahan.

"Ada sekolah memulakan kelas secara fizikal pada minggu ini dan program ini secara rasminya bermula pada Ogos dan bakal dilancarkan Dato' Menteri Besar," kata Ahmad Azri Zainal Nor.

Beliau ditemui selepas majlis penyerahan modul PTRS dan sumbangan dana pengurusan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) sekolah daerah Kuala Langat.

Ahmad Azri menambah aplikasi mudah alih yang bakal dilancarkan Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari pada 13 Ogos dapat memudahkan akses bahan pembelajaran PTRS.

"Selain modul (dalam cetakan yang diedar ke sekolah) modul PTRS boleh

didapati dalam bentuk salinan lembut (soft copy) melalui portal PTRS," katanya.

Sementara itu, Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Saujana Putra Azman Sharif memuji usaha Kerajaan



Negeri membantu pelajar kurang berkemampuan untuk mengikuti tuisyen.

"Modul PTRS berdasarkan format soalan dan kaedah pemarkahan Kementerian Pendidikan sekali gus menyediakan pelajar untuk menghadapi peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia," katanya.

PTRS adalah kelas tambahan untuk pelajar dari keluarga berpendapatan rendah yang prestasi pelajaran sederhana atau lemah.

RM1 juta harum nama negeri

KUALA LANGAT - Sebanyak RM1 juta disediakan Yayasan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI bagi menghargai mana-mana individu yang mengharumkan nama negeri.

Menurut Ketua Yayasan MBI Ahmad Azri Zainal Nor, insentif tersebut sebagai dorongan dan penghargaan atas kejayaan dalam pelbagai acara pada peringkat kebangsaan atau an-

tarabangsa.

"Mereka boleh memohon untuk dapatkan sumbangan. Selain itu, ada juga yang kita dapat maklumat dari media sosial, media cetak dan sebagainya," katanya.

Beliau menyampaikan penghargaan kepada pemenang Olimpiad Robot Dunia Antarabangsa Akhir 2023 dan Pertandingan Robotik Dunia Akhir 2023 di sini pada 31 Julai.

Sebanyak RM10,500 diperuntuk kepada 21 pemenang dari sekolah daerah Kuala Langat yang mengharumkan nama negara dalam kedua-dua pertandingan bertaraf dunia itu.

Ahmad Azri berkata Kerajaan Selangor melalui Yayasan MBI juga ada menyediakan peruntukan RM890,000 untuk Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) kepada 890 sekolah seluruh negeri.

SMKTIS juara kawad Piala Menteri Besar

KUALA SELANGOR - Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Idris Shah (SMKTIS) juara keseluruhan Pertandingan Kawad Kaki Pasukan Badan Beruniform Piala Dato' Menteri Besar.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata memaklumkan badan beruniform merupakan salah satu pilihan yang dicipta dalam sistem pendidikan, bukan sekadar untuk mengisi masa lapang semata-mata.

"Badan beruniform ini dapat membentuk visi, kepimpinan dan jati diri dalam kalangan pelajar. Malah, menerusi pertandingan ini, ia dapat mengeratkan hubungan dan perpaduan dalam kalangan murid di sekolah.

"Selain itu, pertandingan julung kali diadakan ini bukan sahaja menguji keupayaan berkawad tetapi kemampuan mendengar arahan," katanya pada 6 Ogos.

Motor roda tiga rai sambutan merdeka

SHAH ALAM - Lebih 100 motosikal roda tiga akan menyertai perarakan berhias sempena sambutan Hari Kemerdekaan peringkat Sabak Bernam pada 31 Ogos.

EXCO Perpaduan Datuk Rizam Ismail memberitahu peserta terdiri daripada kumpulan petani sekitar daerah berkenaan dengan menunggang kenderaan masing-masing bagi memeriahkan suasana.

"Setiap motor roda tiga tersebut dihias dengan tema patriotik mengikut kreativiti masing-masing. Mereka juga membawa Jalur Gemilang.

"Perarakan dijadual berlangsung di Dataran Tanah Lesen Parit Baru, Sungai Air Tawar. Jika dapat sambutan, kita rancang untuk adakan pada peringkat negeri tahun depan," katanya pada 31 Julai.

Banjir di Hulu Bernam pulih

SHAH ALAM - Pusat Pemindahan Sementara Dewan Serbaguna Kampung Sekolah, Sungai Selisek di Hulu Bernam ditutup pada 2.10 petang 6 Ogos selepas semua 143 mangsa banjir dibenarkan pulang.

Sekretariat Pengurusan Bencana Daerah memaklumkan kesemua mangsa melibatkan 50 keluarga daripada enam buah kampung itu dipindahkan ke PPS berkenaan sejak 4 Ogos selepas kediaman mereka dilanda banjir.

Semua mangsa dibenarkan pulang setelah paras air di kawasan berkenaan surut sepenuhnya dan kerja-kerja pembersihan yang dilakukan secara gotong-royong oleh pelbagai agensi kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan selesai.

Enam kawasan kampung yang terlibat ialah Kampung Sungai Selisek, Serigala, Sungai Nilam, Sekolah, Masjid dan Paya Lebar, lapor Bernama.

Perluas perlindungan kanak-kanak

GOMBAK - Kerajaan Negeri berhasrat memperluas program perlindungan kanak-kanak ke serata daerah bagi mencapai sasaran sifar kes dera dan pengabaian terhadap kelompok tersebut.

EXCO kebajikan masyarakat berkata program Perlindungan Kanak-Kanak: Kasih Kanak-Kanak dilancar meliputi sekolah terpilih bagi memberi kesedaran kepada pelajar dan guru.

Berdasarkan laporan Jabatan Kebajikan Masyarakat, Anfaal Saari berkata 1,805 kes penderaan fizikal, seksual, emosi serta pengabaian kanak-kanak direkod di Selangor setakat Jun.

"Program advokasi diadakan di sekolah terpilih di seluruh daerah bagi memberi kesedaran kepada pelajar dan guru agar lebih cakna dengan keadaan sekeliling," katanya pada 1 Ogos.

Serah sumbangan tunai, tuala wanita

HULU SELANGOR - Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI menyerahkan sumbangan tunai kepada 50 keluarga sekitar Hulu Bernam, di sini, yang terkesan banjir sejak 4 Ogos.

Turut diagih tuala wanita, selimut, air mineral, makanan kering dan cadar toto buat semua mangsa di pusat pemindahan sementara Dewan Serbaguna Kampung Sekolah, Kuala Kubu Bharu.

Ketua Yayasan MBI Ahmad Azri Zainal Nor berkata bantuan itu tanda keprihatinan Kerajaan Selangor untuk meringankan beban mangsa, selain berharap ia dimanfaatkan sebaiknya.

"Bantuan awal tunai RM100 diserahkan terlebih dahulu hari ini, manakala baki RM400 disalur selepas proses dokumentasi setiap keluarga selesai dalam tempoh dua minggu" katanya selepas meninjau mangsa banjir pada 5 Ogos.

Kerap terima isu krisis rumah tangga

SHAH ALAM - Konflik rumah tangga dan kemurungan antara masalah paling kerap dirujuk kepada Pusat Kaunseling Selangor (PKS) dalam tempoh tiga tahun terakhir.

Penyelarasnya Faridah Abdul Jalil memberitahu 200 pengadu menerima khidmat kaunseling percuma itu pada 2021 dan meningkat kepada 600 orang (2022) diikuti 747 pengadu tahun lalu.

"Paling banyak isu kekeluargaan melibatkan hubungan suami isteri yang tidak harmoni hingga memberi tekanan hidup. Isu kesihatan mental seperti kemurungan juga kerap diadu," katanya.

Menurut beliau dalam program bual bicara Hai Selangor pada 1 Ogos, golongan belia berusia 29 hingga 40 tahun paling ramai mendapatkan khidmat kaunseling dan psikologi.

Mangsa puji tindakan segera negeri

HULU SELANGOR - Mangsa banjir lima kampung di Hulu Bernam memuji tindakan pantas Kerajaan Negeri menghulurkan bantuan awal kepada mereka.

Penduduk Kampung Masjid, Norehan Malek, 48, mengakui negeri tidak pernah meminggirkan dalam menyalurkan bantuan terus kepada penduduk yang ditimpa musibah banjir.

"Saya tinggal di kawasan ini sejak 2004, pengalaman empat kali dilanda banjir dan Kerajaan Selangor bersama agensi lain, badan bukan kerajaan (NGO) dan ketua kampung sentiasa bertindak pantas menyalur bantuan kepada kami.

"Terima kasih juga buat Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI yang menyalur bantuan wang tunai RM500. Saya akan gunakan untuk pembersihan rumah yang dalam keadaan kotor selepas dinaiki air setinggi empat kaki," kongsi.


Seorang lagi penduduk Mohd Amir Alias, 53, menghargai keprihatinan MBI menghulur sumbangan wang tunai bagi mengurangkan beban selepas rumahnya di Kampung Sungai Seli dilanda banjir.

"Hujan lebat sejak jam 5 pagi pada

Ahad (4 Ogos) menyebabkan rumah dinaiki air sangat memberi kesan buat saya dan isteri yang kini menghidap penyakit angin ahmar.

"Terima kasih kepada MBI dan wang tunai ini akan digunakan untuk menjalani kerja pembersihan di rumah saya yang kini dikotori dengan lumpur," katanya.

Terdahulu, Ketua Yayasan MBI Ahmad Azri Zainal Nor bersama Setiausaha Politik Dato' Menteri Besar Saifuddin Shafi Muhammad menyampaikan sumbangan dan meninjau mangsa banjir pada 5 Ogos.



RM1,000 cengkeram untuk B40

200 terima bantuan beli motosikal

Oleh **SITI ROHAIZAH ZAINAL**

SHAH ALAM - Seramai 200 individu menerima bantuan RM1,000 untuk bayaran pendahuluan bagi membeli motosikal melalui program Bike-Care-1000, kata EXCO Sumber Manusia V Papparaidu.

Beliau menjelaskan peruntukan keseluruhan RM200,000 disediakan bagi meringankan beban golongan berpendapatan rendah untuk membeli motor terutama untuk menyara keluarga.

"Kerajaan Negeri bantu bayar pendahuluan RM1,000. Penerima hanya perlu jelaskan

baki harga motosikal. Diharap inisiatif ini sedikit sebanyak meringankan beban kewangan.

"Kita mahu bantu supaya mereka menjana pendapatan dengan lebih baik sekali gus memastikan kestabilan ekonomi keluarga," katanya selepas majlis penyerahan motosikal pada 4 Ogos.

Papparaidu juga bercadang untuk melanjutkan program itu yang diperkenalkan sejak 2022 supaya lebih ramai menerima manfaat tersebut.

Penerima Maszura Mohamad, 42, yang bekerja sebagai kerani di Puchong

mahu membeli motosikal untuk berulung-alik ke tempat kerja.

"Sebelum ini, saya pinjam motosikal suami tetapi baru-baru ini terlibat dengan kemalangan, jadi terpaksa pergi kerja naik kereta. Kos agak tinggi dan membebankan," katanya.

Pemandu lori Ng Chee Hwo, 40, pula lega kerana tidak perlu lagi meminta bantuan ahli keluarga atau rakan untuk menghantarnya ke tempat kerja di Klang.

"Sebelum ini, saya perlu meminta bantuan untuk menghantar ke tempat kerja kerana tidak ada kenderaan. Terima kasih kepada Kerajaan Selangor kerana wujudkan bantuan ini," katanya.



Karnival bina keyakinan usahawan

SHAH ALAM - Seramai 168 usahawan dalam program keusahawanan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) menyertai Karnival Usahawan PKNS selama tiga hari berakhir 4 Ogos.

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan) PKNS Md Kamarzan Md Rais berkata penganjuran kali kedua itu bertujuan meningkatkan kemahiran dan pengetahuan mengenai dunia perniagaan.

Beliau juga menjelaskan PKNS menggunakan simulasi perniagaan sebenar bagi memastikan pembudayaan keusahawanan dalam kalangan usahawan diamal sebaik-baiknya.

"Dengan menggunakan pendekatan ini, PKNS dapat membantu usahawan mengasah kemahiran dan pengeta-

huan untuk berjaya dalam dunia perniagaan yang kompetitif," katanya.

Beliau menyempurnakan majlis perasmian karnival itu di Kompleks PKNS di sini pada 3 Ogos. Hadir sama, Duta Usahawan PKNS Datuk Rosyam Nor.

Peserta terdiri daripada pelajar Program Tunas Niaga (Protune), Program Bina Bangun Usahawan (BizUp), Program Usahawan Siswazah (Grow) dan Program Usahawan Siswazah Lanjutan (Grow Plus).

Usahawan makanan sejuk beku Noraini Ahmad, 38, sanggup datang dari Tanah Merah, Kelantan untuk menyertai kursus itu bagi menambahkan pengeta-

huan dalam bidang perniagaan.

"Kesannya besar selepas enam bulan sertai kursus ini. Walaupun saya berniaga selama lapan tahun, banyak yang saya perlu baiki terutama aspek pengurusan," kata peserta Grow Plus itu.

Muhammad Khairi Raulah, 27, yang menjual topi keledar sejak 2015 berkata kejayaan rakan yang menyertai kursus usahawan anjuran PKNS mendorong beliau untuk menyertai program berkenaan.

"Memang nampak banyak perubahan kepada perniagaan saya. Ini pertama kali saya sertai jualan bersemuka seperti ini. Ini pengalaman terbaik kepada kami," kata peserta kursus Grow lagi.





Oleh **ABDUL RAHIM SABRI**

Kejayaan skuad badminton membawa pulang dua gangsa dalam Olimpik di Paris mengatasi pencapaian temasya sama di Tokyo meski gagal meraih emas.

Acara sukan tersebut yang kerap kali membawa pulang pingat dalam temasya itu antara sandaran negara untuk membawa pulang emas sulung selain acara berbasikal.

Beregu Aaron Chia-Soh Wooi Yik yang berada kedudukan keempat dunia mempertahankan gangsa dengan menewaskan pasangan nombor dua dunia dari Denmark Kim Astrup-Anders Skaarup Rasmussen.

Pasangan berkenaan satu-satunya beregu negara yang menang pingat Olimpik lebih sekali, bahkan berturut-turut. Selepas gandingan Razif-Jalani Sidek menang gangsa, pingat sulung negara dalam temasya itu, dua lagi beregu iaitu Cheah Soon Kit-Yap Kim Hock dan Goh Wee Sherm-Tan Wee Kiong meraih perak pada 1996 dan 2016.

Pemain perseorangan Lee Zii Jia pula mengetepi saingan pemain India Lakshya Sen dalam penentuan gangsa. Kemenangan itu mengulangi pencapaian Rashid Sidek di Atlanta pada 1996 tetapi gagal menyamai kehebatan Lee Chong Wei yang meraih tiga perak pada 2008, 2012 dan 2016.

Pertama kali beraksi di Olimpik, gandingan Pearly Tan-M Thinaah pula mencipta sejarah sebagai beregu wanita pertama ke separuh akhir. Mereka yang dalam kedudukan ke-12 mengejutkan beregu keenam dunia dari Jepun Wakana Nagahara-Mayu Matsumoto dan kedudukan kesembilan dunia dari Indonesia Apriyani Rahayu Siti Fadia Silva Ramadhanti pada peringkat kumpulan.

Sayangnya, mereka tumpas kepada pasangan Jepun Nami Matsuyama-Chiharu Shida dalam penentuan gangsa selepas memberi saingan sengit.

Pemain perseorangan wanita Goh Jin Wei pula tersekat peringkat kumpulan manakala beregu

campuran Cheng Tang Jie - Toh Ee Wei sekadar ke suku akhir. Pencapaian terbaik beregu campuran Chan Peng Soon-Goh Liu Ying di Rio, Brazil 2016 yang menyaksikan Malaysia meraih perak.

Rata-rata peminat sukan tanah air menaruh harapan tinggi untuk membawa pulang emas menerusi badminton tetapi kebanyakannya reda selepas menyaksikan semangat juang pemain.

Semangat juang



Penganalisis sukan Datuk Dr Pekan Ramli (gambar) pula menyifatkan skuad negara belum cukup lengkap dari segi kekuatan dan kemahiran yang diperlukan untuk memenangi emas meski mereka bersemangat tinggi.

“Semangat juang ada untuk menjadi juara tetapi kita belum cukup bagus berbanding lawan. Kita tidak cukup hebat. Orang cakap kita tidak bernasib baik.

“Ada perkara-perkara yang masih belum kita capai. Untuk menjadi juara, kita mesti banyak berlawan, ada kemahiran, perwatakan sebagai juara dan strategi.

“Hakikatnya, orang lain lebih baik daripada kita. Kita kena kaji kekuatan kita. Kalau kita hendak menang emas Olimpik, kita tidak boleh mengulangi kesilapan sama,” katanya.

Beliau percaya pingat emas tidak jauh dari jangkauan Zii Jia pada masa depan jika pemain itu mengekal corak permainan set kedua yang ditunjukkannya dalam aksi penentuan gangsa.

Dr Pekan mengakui risau menyaksikan Zii Jia tewas mudah dalam set pertama, mengulangi aksi longlai ketika kecundang kepada pemain Thailand Kunlavut Vitidsarn pada peringkat separuh akhir.

“Tiba-tiba macam ada suntikan adrenalin hingga mendapat semangat baharu, corak permainan tiba-tiba bertukar menyerang hingga pemain India panik dan hilang sentuhan.

“Inilah Zii Jia yang kita kenali. Apabila dia dapat sentuhannya, maka dia tidak menoleh ke belakang. Kalau ini corak permainan dan semangat

PUNGUTAN PINGAT OLIMPIK BADMINTON NEGARA

Tempat & Tahun	Acara	Atlet	Pingat
Barcelona 1992	beregu lelaki	Razif Sidek & Jalani Sidek	gangsa
Atlanta 1996	beregu lelaki	Cheah Soon Kit & Yap Kim Hock	perak
	perseorangan lelaki	Rashid Sidek	gangsa
Beijing 2008	perseorangan lelaki	Lee Chong Wei	perak
London 2012	perseorangan lelaki	Lee Chong Wei	perak
Rio de Janeiro 2016	perseorangan lelaki	Lee Chong Wei	perak
	beregu lelaki	Goh Wee Sherm & Tan Wee Kiong	perak
	beregu campuran	Chan Peng Soon & Goh Liu Ying	perak
Tokyo 2020	beregu lelaki	Aaron Chia & Soh Wooi Yik	gangsa
Paris 2024	beregu lelaki	Aaron Chia & Soh Wooi Yik	gangsa
	perseorangan lelaki	Lee Zii Jia	gangsa

dibawakannya pada peringkat separuh akhir tempoh hari, mungkin emas atau perak jadi milik Malaysia,” katanya.

Meski Malaysia dianggap antara kuasa dunia badminton bersama Indonesia dan China dalam tempoh panjang, acara berkenaan hanya dipertanding dalam Olimpik mulai 1992.



Asmara berdarah

Oleh NADIAH ZAMLUS

Pembunuhan ratu cantik Jean Perera Sinnapa pada 1979 menggemparkan negara ketika itu. Mayatnya ditemui dalam kereta berdekatan Lapangan Terbang Subang, Selangor. Mangsa maut akibat tikaman di perut.

Kes sensasi itu mendapat liputan luas media termasuk dijadikan dokumentari program terkenal Lifetime Asia.

Penyanyi Along Spoon yang terkenal dengan lagu Rindu Serindu Rindunya dibunuh akibat cemburu. Mayatnya dalam guni ditemui di sebuah gaung di Jelebu, Negeri Sembilan.

“Mayat dan kaki juga diikat dengan tidak berpakaian. Sebelum dibunuh, si mati dipukul di dalam kereta dan ditinggalkan mayatnya pada tengah malam di tempat gelap dan motif pembunuhan kerana cemburu yang mana si mati dikatakan mempunyai hubungan sulit dengan isteri tertuduh,” kata Timbalan Pendakwa Raya Nahrah Dolah dalam prosiding mahkamah pada 16 November 2023.

Terbaharu, orang ramai ternanti-nanti perkembangan kes Nur Farah Kartini Abdullah, 25, yang mayatnya ditemui dalam ladang kelapa sawit di Hulu Selangor.

Menurut Ketua Polis Selangor Datuk Hussein Omar Khan pada 25 Julai, perselisihan dalam hubungan dipercayai punca lepasan Universiti Pendidikan Sultan Idris itu dibunuh.

Suspek Lans Koperol Muhammad Alif Monjani didakwa di Mahkamah Majistret Kuala Kubu Bharu pada 26 Julai ekoran kejadian itu.

Jika cinta, mengapa bunuh? Ada maut ditikam, dijerut, malah dibakar tanpa belas kasihan gara-gara mabuk asmara. Perasaan indah sebenarnya berupaya mendorong seseorang hilang pertimbangan.

Kejadian seumpama itu berpunca akibat penolakan ‘keghairahan’ yang digerakkan unsur

egomania iaitu seseorang itu hanya memikirkan diri sendiri, menurut pakar kriminologi dan psikologi Universiti Sains Malaysia (USM) di Kubang Kerian, Kelantan.

Prof Madya Dr Geshina Ayu Mat Saat yang terlibat dalam bidang itu sejak 1998 juga mendedahkan individu sedemikian tidak kesah perbuatannya membahayakan orang lain asalkan keinginan mereka dipenuhi.

Namun dalam banyak kes, cinta menjadi seakan-akan permainan. Ini berlaku apabila seseorang itu mengharapkan balasan setara daripada insan yang dicintainya.

Sedangkan menurut beliau, cinta seharusnya tidak bersyarat, tidak menyeksa, tidak menyebabkan rasa bersalah, malah tidak sesekali ‘senjata’ atau alasan pembunuhan.

Faktor ‘ABCDEF’

Pelakuan ke arah jenayah akibat percintaan merangkumi faktor ‘ABCDEF’ iaitu Affect, Behaviour, Cognition, Desire, Emotion, dan Fantasy (Kesan, Tingkah Laku, Kognisi, Keinginan, Emosi dan Fantasi). Faktor tersebut mendasari pelakuan termasuk melanggar norma mahupun dorongan melanggar undang-undang.

“Obses kepada sesuatu atau seseorang perkara biasa selagi tidak membahayakan atau menyebabkan kemudaratan. Juga tidak menyebabkan kesan negatif, kerosakan, kehilangan kepada mana-mana individu atau objek yang ditaasub.

“Tetapi apabila taasub menghantui pemikiran, emosi dan perbuatan, ia boleh menjadi kecelaruan yang perlu didiagnos pakar psikiatri atau pakar psikologi klinikal,” katanya ketika dihubungi



Sebenarnya di Malaysia lebih banyak kes pembunuhan tidak dirancang berbanding dirancang. Ini bercanggah dengan paparan dalam wayang dan cerita drama.

Tidak benar jenayah asmara bersifat ngeri. Kerat dan bakar mayat aktiviti selepas membunuh. Biasanya ia berlaku kerana suspek ingin menyembunyikan atau mengkaburkan insiden jenayah

Prof Madya Dr Geshina Ayu Mat Saat
Pakar kriminologi dan psikologi
Universiti Sains Malaysia

pada 31 Julai.

Sebaliknya, beliau menegaskan pelakuan jenayah termasuk pembunuhan bermotif asmara berlaku akibat persekitaran yang membuka peluang dan ruang.

“Sebenarnya di Malaysia lebih banyak kes pembunuhan tidak dirancang berbanding dirancang. Ini bercanggah dengan paparan dalam wayang dan cerita drama.

Meski ada elemen kemarahan melampau, beliau juga menolak kes jenayah asmara bersifat ngeri seperti memotong alat sulit dan membakar mayat.

“Tidak benar jenayah asmara bersifat ngeri. Kerat dan bakar mayat aktiviti selepas membunuh. Biasanya ia berlaku kerana suspek ingin menyembunyikan atau mengkaburkan insiden jenayah,” tambahnya.

Misalnya pembunuhan pensyarah Universiti Teknologi Mara (UiTM) Bakarudin Busu, 35, yang dibunuh dan mayatnya dibakar di Subang Jaya pada 12 Februari 2002.

Mayat Bakarudin ditemui dalam longkang separuh rentung. Bukti menunjukkan mangsa ditendang, ditumbuk dan ditetak hingga mati sebelum mayatnya dibakar pada malam kejadian.

Mangsa didakwa mengganggu teman wanita Sulkarnain Alias. Beliau dan seorang lagi Noorman Ab Wahab dijatuhi hukuman mati pada 2009 selepas Mahkamah Tinggi Shah Alam mendapati mereka bersalah membunuh Bakarudin, 35, (ketika kejadian) di Jalan SS19/6, Subang Jaya, pada jam 9.30 malam.

Dr Geshina Ayu juga menganggap pembunuhan menggunakan senjata api sama ada akibat cinta sebagai kes terpencil di Malaysia.

Sebaliknya, beliau mendapati pembunuhan secara tembakan banyak terjadi di negara yang peraturan memiliki senjata api kurang ketat misalnya, Denmark, Finland dan Belanda.

Cemburu

Namun, kejadian sedemikian ada berlaku di negara ini. Di Rompin, Pahang pada 24 Oktober 2017, kerana terpengaruh dengan novel cinta, lelaki warga Indonesia yang bercinta dengan isteri orang membunuh suami kekasihnya menggunakan senapang patah.

Berdasarkan kenyataan Ketua Polis Daerah Rompin Deputy Superintendan Azli Mohd Noor, suspek mengakui kisahnya sama dengan novel cinta berkenaan, bahkan naskhah tersebut ada bersamanya ketika ditahan polis.

“Kajian mendapati kaedah tikam sebagai cara pembunuhan biasa dalam kalangan pembunuh lelaki di Malaysia kerana mudah mendapat objek tajam yang boleh dijadikan senjata,” katanya yang menambah undang-undang pemilikan senjata api di negara ini sangat ketat. Objek tumpul dan senjata tajam, bakar dan pukul lebih dominan dalam kes bermotif asmara.

Menurut Dr Geshina Ayu yang juga EXCO Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia lagi, 30 peratus kes bunuh kerana cemburu menggunakan objek tajam.

Sebanyak 82 peratus kes dilakukan terhadap orang yang dikenali. Sebahagian kes melibatkan tikaman pula berkait rapat elemen seks dengan pihak lain.

Beberapa kes tikaman bermotif asmara dicatat antaranya kejadian Nursyafikah Ahmad Ismail, 20, pekerja pasar raya di Kluang, Johor, yang maut selepas diserang bekas tunangnya akibat tidak puas hati dan cemburu.

Menurut pegawai penyiasat, Supritendan Ahmad Zamry Marinsah, suspek bertindak agresif

Tarikh ditemui	Lokasi	Mangsa	Suspek	Tahun dakwa	Status
16 April 1979	Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz, Subang, Selangor	Jean Perera Sinnappa	S Karthigesu	1979	Dihukum gantung sampai mati namun dilepaskan pada 20 Mei 1981
15 Nov 1980	Tanjung Bungah, Pulau Pinang	Salbiah Yeop Abdul Rahman	Saderi Abdul Samat	1984	Digantung sampai mati pada 1984
6 Jan 2000	Jelebu, Negeri Sembilan	Sabi'ul Malik Shafie/Along Spoon	Mohd Ya'cob Demyati	2000	10 April 2002, mahkamah jatuhkan hukuman mati terhadap suspek. Kemudian dipinda penjara 33 tahun. Sudah dilepaskan pada 16 Nov 2023
12 Feb 2002	Subang Jaya, Selangor	Bakarudin Busu	Azizul Azual Jailani, Sulkarnain Alias dan Noorman Ab Wahab	2003	Disabit hukuman mati pada 2009. Namun pada 12 Julai 2024 ditukarkan kepada jel 38 tahun
9 Ogos 2002	UiTM Shah Alam, Selangor	Zuriyati Othman	Shamim Reza	2002	8 Oktober 2006 dijatuhkan hukuman mati

Sumber laporan pelbagai portal berita

dengan merangkul leher dan menolak mangsa jatuh ke arah motor.

“Ketika mangsa ingin bangun semula, suspek yang kelihatan dalam CCTV (kamera litar tertutup) dipercayai mengeluarkan pisau dan terus menikam rusuk kiri mangsa,” katanya pada 8 Mei 2024 dalam rancangan yang disiarkan di stesen televisyen tempatan.

Mac lalu, seorang wanita yang juga model sambil bersenjata sebilah pisau menikam mati kekasihnya di Kuala Langat, Selangor.

Mangsa meninggal dunia jam 7.25 pagi akibat

kecederaan di pergelangan tangan kiri dan kaki kiri, kata Ketua Polis Daerah Kuala Langat Superintendan Ahmad Ridhwan Mohd Nor.

Tahun lalu, penduduk Kampung Sungai Limau, Sabak Bernam digemparkan dengan penemuan mayat wanita hamil empat bulan yang terbakar dalam kebun kelapa sawit.

Seorang lelaki berusia 21 tahun didakwa membunuh dan membakar wanita itu. Mangsa dibunuh kerana teman lelakinya mahu merahsiakan kehamilan hasil hubungan intim bersama mangsa.



Ribuan rakyat Iran menghadiri perarakan pengebumian ketua biro politik Hamas yang dibunuh pada 1 Ogos. Ismail dilaporkan maut akibat letupan bom di Tehran, Iran pada 31 Julai



Rakyat Lubnan mengiringi jenazah Saleh al-Arouri di Beirut pada 4 Januari. Timbalan ketua Hamas itu terbunuh dalam serangan dua peluru berpandu dron Israel ke pejabat Hamas di Beirut pada 2 Januari



Datuk Seri Anwar Ibrahim berucap dalam Himpunan Solidariti Palestin di Stadium Axiata Arena pada 4 Ogos bagi membantah pembunuhan Ismail. Kira-kira 12,000 orang hadir perhimpunan itu



Perdana Menteri bersama 3,000 jemaah bersembahyang jenazah ghaib di Masjid Negara. Solat diadakan selepas solat Jumaat dan dipimpin Imam Besar Masjid Negara Ehsan Mohd Hosni



Pemimpin tertinggi Iran Ali Khamenei mengetuai solat jenazah ke atas pemimpin Hamas Ismail di Tehran, Iran pada 1 Ogos. Republik itu mengesakan untuk bertindak balas atas pembunuhan Ismail



Wanita Palestin meratapi kemusnahan pengeboman di perkhemahan al-Mawasi, Gaza pada 13 Julai yang mengorbankan 90 orang. Israel mendakwa pemimpin Hamas Mohammed Deif turut terkorban



Bangunan konsulat Iran di Damsyik, Syria diserang Israel pada 1 April. Serangan itu mengorbankan tujuh anggota tentera Iran termasuk komander elit Pasukan Quds Mohammad Reza Zahedi



Pemimpin Turkiye dan Hamas berdoa di kubur Ismail. Ketua Hamas itu disemadikan di Tanah Perkuburan Founding Imam Bandar Lusaail di Doha, Qatar pada 2 Ogos

BEBERAPA tokoh penting Harakatul Muqawwamatul Islamiah (Hamas) dan sekutunya Hizbullah dibunuh dalam siri serangan rejim Israel ketika konflik Gaza membahang.

Terbaharu, Ketua Biro Politik Hamas Ismail Haniyeh terkorban pada 31 Julai kerana letupan bom di kediamannya selepas hadir majlis angkat sumpah Presiden Iran Masoud Pezeshkian.

Sebelum itu, timbalannya Saleh al-Arouri maut dalam serangan di Beirut, Lubnan pada 2 Januari. Israel juga mendakwa ketua Briged al-Qassam iaitu Mohammed Deif mati dalam pengeboman kem al-Mawasi di Gaza pada 13 Julai, namun Hamas menafikannya.

Hizbullah kehilangan komando kanan Fuad Shukur dalam serangan udara di pinggir Beirut, sehari sebelum Ismail dibunuh. Pada 1 April, komando elit Pasukan Quds Mohammad Reza Zahedi maut akibat pengeboman Israel ke atas konsulat Iran di Syria.

Tiada pihak mengaku bertanggungjawab ke atas pembunuhan Ismail, namun Iran mengaitkannya dengan Israel dan berikrar menuntut bela. Pada 6 Ogos, Yahya Sinwar diumumkan ketua biro politik Hamas menggantikan Ismail.

Perkembangan itu menimbulkan kebimbangan sama ada konflik merebak ke Lubnan selain usaha jalan damai Palestin-Israel menjadi persoalan.

Awal Ogos, Jordan dan beberapa negara Barat menggesa rakyat mereka segera keluar dari negara berkenaan manakala ada syarikat membatalkan penerbangan ke Beirut.

Selain foto REUTERS mengenai situasi di rantau berkenaan, lensa NUR ADIBAH AHMAD IZAM dan REMY ARIFFIN merakam reaksi rakyat Malaysia ke atas kematian Ismail. Keterangan gambar oleh HAFIZAN TAIB.



Serangan udara Israel di pinggir Beirut, Lubnan pada 30 Julai memusnahkan sebahagian bangunan dan kenderaan. Komando kanan Hizbullah Fuad maut dan jasadnya ditemui bawah runtuhan



Anggota Hizbullah membawa keranda Fuad ketika pengebumian pada 1 Ogos di selatan Beirut. Beliau terbunuh dalam serangan udara Israel di pinggir ibu negara Lubnan



Penduduk memeriksa kerosakan kepada bangunan yang diserang di kem pelarian Tulkarem, Tebing Barat pada 24 Julai. Serangan itu mengorbankan lima warga Palestin termasuk dua wanita



Peserta menyatakan sokongan kepada rakyat Palestin dengan mengangkat sepanduk ketika berhimpun di Bukit Jalil pada 4 Ogos. Perhimpunan itu memberi mesej menentang kezaliman Israel



Jemaah menunaikan solat jenazah ghaib ke atas Ismail di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam pada 2 Ogos. Semua masjid dan surau negeri ini mengadakan solat itu



Penunjuk perasaan menyalaikan suar tanda menyokong Palestin semasa perhimpunan membantah pembunuhan ketua biro politik Hamas di Istanbul, Turkiye pada 31 Julai



Rakyat Palestin membawa gambar Ismail dan timbalannya Saleh semasa perarakan bagi mengutuk Israel susulan pembunuhan dua pemimpin Hamas itu di Beirut, Lubnan pada 1 Ogos

Merancah kitar sisa

Oleh NADIAH ZAMLUS
Foto NUR ADIBAH AHMAD IZAM

Pengurusan sisa antara cabaran utama Selangor yang mempunyai lebih 7 juta penduduk. Pada 2022, negeri merekodkan 7,000 tan pembuangan sampah sehari, tertinggi dalam negara.

Sehubungan itu, Kerajaan Negeri segera menyusun langkah mewujudkan sistem pengurusan sisa bersepadu bertujuan mengurangkan sampah ke tapak pelupusan.

Dibentang pada Julai 2022, Rancangan Selangor Pertama (RS-1) menasaskan 15 peratus kadar kitar semula sisa sebagai penunjuk kejayaan.

Bagi mencapai matlamat, semua pihak berkuasa tempatan (PBT) memperkenalkan program atau kemudahan kitar semula di kawasan masing-masing menggalakkan kadar lebih tinggi.

Hasilnya, selepas kurang dua tahun RS-1 diumumkan, Selangor mencapai kadar kitar semula sisa 8.24 peratus.

Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) dan Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) merekodkan kutipan kitar semula tertinggi antara PBT. Masing-masing mengutip lebih 200,000 tan dari 2021 hingga tahun lalu.

Bagi menggalakkan penglibatan masyarakat, MBSA misalnya mengagihkan baucar RM5 Speedmart kepada penduduk menukar kertas, tin, besi, pakaian dan yang berkaitan.

Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK) yang mengutip lebih 2,000 tan barangan kitar semula pada tahun lalu bekerjasama dengan peniaga restoran, agensi kerajaan, institusi pendidikan dan KDEB Waste Management (KDEBWM).

Empat rumah sampah turut dinaik taraf menjadi pusat kitar semula, termasuk di Pasar Besar Jalan Meru, Jalan Makyong 5 Bukit Raja, Taman Camelia Bandar Putera dan Taman Klang Perdana.

Ganjaran

Minyak masak terpakai paling mendapat sambutan dalam kalangan penduduk Majlis Perbandaran Kuala Langat (MPKL). Faktornya mereka diberi wang tunai RM2.50 hingga RM3.00 bagi setiap satu kilogram.

Sejumlah 3,731.05 kilogram minyak masak terpakai dikumpul bermula Januari hingga Jun tahun ini di Program Kitar Semula Pasar Awam Banting.

Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) yang berjaya meningkatkan kutipan barang kitar semula dari 3,000 tan kepada lebih 8,000 tan pada tahun ini menggunakan hab kitar semula sebagai tempat pengumpulan.

Terletak di Taman Tasik Chempaka, Bandar Baru Bangi, orang ramai mudah menghantar barangan tidak digunakan ke situ.

Sebanyak 4,228 tan barangan kitar semula pelbagai jenis dikutip Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) tahun lalu.

Datuk Bandarnya Mohamad Zahri Samingon berkata, 1,917 tan diperoleh menerusi program kutipan kitar semula pintu ke pintu di 85 kawasan. Program kutipan pintu ke pintu sejak 2020 membabitkan 54,500 unit kediaman dengan



purata penyertaan penduduk 60.08 peratus sehingga kini.

Tukar barang terpakai dapat keperluan dapur, itu inisiatif Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) sehingga mereka mengutip 21,177.29 tan barangan bermula 2021 sehingga Mei tahun ini.

Majlis Perbandaran Selayang (MPS) mengutip lebih 16,000 tan (2021 hingga Jun 2024) sampah terpakai dan kumpulan pelajar sekolah menengah dan rendah antara kumpulan paling peka menyertai kempen kitar semula.

Perhubungan awam Majlis Perbandaran Sepang (MPSepang) memaklumkan media sosial seperti Facebook dan TikTok berperanan meningkatkan amalan kitar semula.

Kutipan bertambah daripada 2,748.43 tan pada 2023 kepada 5,765.73 tan sehingga Jun tahun ini.

Sejak 2021 sehingga kini, Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) merekodkan 4,383 tan barangan terpakai diikuti, 2,287.3 tan oleh Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) dan Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB) sejumlah 130.66 tan.

Selain mengutip barang terpakai, pentadbiran negeri turut membina loji sisa kepada tenaga (WTE), sekali gus mengurangkan sisa ke pusat pelupusan.

Pengarah Urusan KDEBWM Dato' Ramli Mohd Tahir berkata sasaran 7,000 tan sampah dikutip dan dilupuskan di WTE.

WTE akan dibina di Jeram, Kuala Selangor bakal menghasilkan bekalan elektrik untuk

JUMLAH KUTIPAN KITAR SEMULA PBT MENGIKUT TAHUN

TAHUN / PBT	2021	2022	2023	2024 (hingga kini)
MBSA	57,491.06	71,543.12	71,624.39	2,893.39
MBSJ	53,145.77	77,661.25	81,795.44	40,906.45
MPAJ	4,048.72	9,246.65	6,483.98	1,397.94
MPS	5,253.51	3,434.33	5,433.95	2,642.58
MPKj	169.15	3,981.91	3,794.1	8,355.12
MBPJ	3,529.41	2,310.12	4,227.98	2,105.35
MPSepang	713.51	1,027.70	2,748.43	5,765.73
MPHS	780	1,020	2,203	380
MPKS	523.13	609.66	640.79	513.72
MPKL	63.11	327.46	420.67	1,020.88
MBDK	1,164.41	122.79	2,447.94	203.58
MDSB	19.90	40.12	42.52	28.12

*kiraan dalam tan

200,000 unit rumah. Loji pertama dijangka beroperasi dua tahun lagi memastikan Selangor diurus dengan mampan dan berhemah.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata, Selangor menumpukan kelestarian alam sekitar di samping meningkatkan tahap kesejahteraan sosial melalui pembangunan infrastruktur hijau dan pemuliharaan sumber asli.

"Pengurusan sisa dan kitar semula merupakan tugas yang mencabar untuk Selangor, khususnya dalam mengurangkan pembuangan sampah secara haram, meningkatkan kadar kitar semula. Namun untuk mencapai sasaran 15 peratus memerlukan usaha bersama terutama di kalangan masyarakat," katanya.

Peningkatan ringgit terbaik di Asia



Pengerusi Institut Terjemahan & Buku Malaysia, **NOOR AMIN AHMAD** juga bekas ahli parlimen

Dari semasa ke semasa kita akan mendengar orang ramai bercakap tentang naik turun nilai ringgit dalam pasaran.

Kekuatan mata wang bermaksud kuasa membeli relatif sesebuah mata wang untuk membeli produk atau perkhidmatan. Ini lazimnya dinilai melalui perbandingan jumlah kuantiti barang yang dibeli pada nilai tertentu.

Ia juga diukur melalui kadar tukaran dengan mata wang lain. Ini selalu dilihat sama ada di papan tanda pengurup wang berlesen atau di mana-mana aplikasi penukaran mata wang.

Secara mudahnya, orang ramai melihat turunnya nilai ringgit beerti ekonomi tidak berada dalam keadaan baik. Begitu pula naiknya nilai ringgit menunjukkan ekonomi dalam keadaan baik.

Meskipun tanggapan ini tidak sepenuhnya tepat, namun ia masih boleh diterima secara umum. Maka, tempiasnya akan terkena kepada mana-mana kerajaan semasa yang mentadbir.

Sebagai sebuah negara dagang yang relatif kecil, naik turun nilai ringgit dipengaruhi oleh pebagai faktor. Ada yang boleh dikawal dan ada yang tidak boleh dikawal misalnya inflasi dan pertumbuhan dalam ekonomi domestik, kadar faedah yang dikenakan bank negara atau bank pusat di negara lain, imbalan dagangan dan permintaan serta penawaran dalam pasaran pertukaran asing.


Sejak dulu, negara kita cuba mengekalkan kadar inflasi yang rendah, tidak melebihi 4 peratus. Sejak 2023, kadar inflasi dalam keadaan yang sangat terkawal.

Lebih menarik lagi, ia dapat dilakukan dalam keadaan Bank Negara Malaysia mengekalkan kadar faedah semalaman pada tahap yang sama meskipun lazimnya mana-mana bank pusat negara lain menaikkan kadar ini bagi menangani kesan kenaikan kadar faedah di Amerika Syarikat.


Pemulihan eksport

Pertumbuhan negara menunjukkan angka yang sangat menggalakkan, iaitu pada kadar 4.2 peratus pada suku pertama 2024 dan diunjur 5.8 peratus pada suku kedua 2024, melebihi

KADAR NILAI MATA WANG SERANTAU BERBANDING DOLAR AMERIKA SYARIKAT



PENINGKATAN NILAI RINGGIT MALAYSIA BERBANDING TUKARAN WANG ASING



Setakat 2 petang 5 Ogos 2024

Sumber Bloomberg/The Edge

daripada unjuran yang dibuat oleh pelbagai pihak.

Ini antara lain disumbangkan oleh pemulihan eksport sebanyak 5.2 peratus pada suku pertama 2024 dan pertumbuhan pelaburan swasta pada tahap 9.2 peratus dalam tempoh yang sama.

Limpahannya dapat dilihat misalnya pada pasaran buruh tempatan di mana meskipun jumlah tenaga kerja bertambah daripada 17.12 juta orang kepada 17.15 juta orang, peratus pengangguran berkurangan sebanyak 0.1 peratus dan jumlah tenaga kerja meningkat daripada 16.56 juta pada April 2024 kepada 16.58 juta pada Mei 2024.

Pelbagai berita positif misalnya peningkatan status oleh badan penarafan seperti Fitch dan Standard & Poor serta JP Morgan yang

menunjukkan keyakinan terhadap dasar dan kemampuan Malaysia untuk terus tumbuh dan menangani isu-isu yang sebelum ini menyebabkan rating negara diturunkan.

Fakta jelas setakat tahun (year-to-date), mata wang Ringgit Malaysia mengalami peningkatan terbaik di Asia dan keenam terbaik di dunia selepas Rupee Sri Lanka, Rouble Russian, Pound British, Rand Afrika Selatan dan Dinar Morocco.

Nampaknya dasar-dasar baru kerajaan, serta usaha Perdana Menteri sendiri yang bertungkus-lumus mengukuhkan hubungan diplomatik yang luas dan bertemu pelabur di seantero dunia mula menunjukkan hasil. Kita mengharapkan pencapaian baik ini akan terus meningkat dan memanfaatkan rakyat untuk kesejahteraan bersama.

Sensasi Olimpik Paris

Oleh NAZLI IBRAHIM

Sejak acara pembukaan, Olimpik di Paris diwarnai kontroversi, pencapaian unik dan aksi atlet mencuri tumpuan masyarakat global.

Pembukaan rasmi temasya sukan terbesar dunia itu dicemari adegan tidak menghiraukan sensitiviti agama, budaya dan kepercayaan masyarakat dunia.

Selain itu, terdapat kontroversi pertandingan antara atlet membabitkan sukan tinju, renang dan balapan. Selangorkini menyorot antara tumpuan sensasi Olimpik di Paris tahun ini.



SUNGAI SEINE KOTOR, PERKAMPUNGAN OLIMPIK TIADA AIR

Pemilihan Sungai Seine sebagai lokasi sukan mendapat bantahan sebelum Olimpik berlangsung berikutan pencemaran airnya teruk.

Sepanjang lebih 100 tahun, orang ramai dilarang berenang kerana dibimbangi tertelan air mengandungi bakteria berbahaya. Meski Perancis membelanjakan 1.4 bilion Euro (RM6.7 bilion) untuk merawat sungai itu, ia masih tercemar.

Kebimbangan itu menjadi kenyataan apabila peserta triatlon Kanada, Tyler Mislawchuk muntah sebaik melintasi garisan penamat selepas berenang 1.6 kilometer di sungai terbabit.

Perkampungan Olimpik Paris juga menjadi isu apabila berlaku masalah bekalan air. Ia disuarakan seorang atlet Argentina yang terpaksa mandi di gimnasium.

Pemain tenis Amerika Syarikat (AS) Coco Gauff pula mempersoalkan bilik sempit perkampungan itu memaksa skuad tenis AS menyewa bilik hotel.



PERSOAL ANTIDOPING RENANG

Perenang Britain Adam Peaty mempersoal kemenangan China selepas pasukan itu meraih pingat emas acara 4x100 meter berganti-ganti lelaki mengalahkan AS.

Dua daripada empat pemenang emas itu, Qin Haiyang dan Sun Jiajun antara 23 perenang China positif ujian doping menjelang Olimpik Tokyo tiga tahun lalu, namun tidak dikenakan larangan bertanding.

Perenang AS, Caeleb Dressel pula mendakwa tidak yakin pesaingnya bebas bahan terlarang serta mempersoalkan ketelusan penguatkuasaan antidoping sukan renang.

ISU STATUS JANTINA

Peninju wanita Algeria Imane Khelif tular apabila status jantinya dipersoalkan kerana memiliki tubuh badan dan kekuatan seperti seorang lelaki.

Terdahulu, Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa (IOC) membenarkan dua peninju termasuk Imane bertanding di Sukan Olimpik selepas beliau disahkan bukan transgender.

Lawannya, Angela Carini dari Itali menarik diri daripada perlawanan selepas tidak tahan dibelasah dalam 40 saat awal pusingan 16 acara welterweight wanita.

GAYA MENEMBAK SANTAI

Gaya santai atlet menembak Türkiye Yusuf Dikec tanpa sebarang peralatan bantuan membidik tular di media sosial seluruh dunia.

Ketika menembak, pemenang pingat perak berusia 51 tahun itu memakai kemeja-T dengan satu tangan dalam poket, bercermin biasa dengan ekspresi wajah tenang.

Pemenang pingat emas acara menembak wanita dari Korea Selatan, Kim Ye-ji juga mendapat perhatian global apabila menunjukkan muka 'dingin' semasa membidik.

Seperti Yusuf, Kim juga memasukkan sebelah tangan dalam poket sambil menembak dengan postur badan membongkok, seperti watak-watak animasi Jepun popular di Asia.



LARIAN 100 METER PALING SENGIT

Acara balapan 100 meter akhir Olimpik Paris 2024 ialah paling sengit dalam sejarah kejohanan itu apabila pemenang terpaksa diputuskan menerusi kaedah foto penamat.

Pelari pecut AS, Noah Lyles yang meraih emas hanya dibezakan 0.005 saat dengan pemenang pingat perak dari Jamaica, Kishane Thompson.

Dalam perlumbaan itu, Lyles melakar catatan peribadi terbaik 9.79 saat dengan Kishane turut mencatat masa 9.79 saat.

ATLET TANPA NEGARA

Ivan Litvinovich and Viyaleta Bardzilouskaya menjadi dua atlet individu neutral pertama meraih pingat Olimpik. Ivan mendapat emas gimnastik trampolin



manakala Viyaleta meraih perak acara sama kategori wanita.

Kedua-dua atlet itu berasal dari Belarus. Belarus dan Rusia dilarang ke Olimpik kerana terlibat perang Ukraine. Namun, IOC menjemput atlet yang layak dari dua negara itu bertanding sebagai atlet individu neutral.



PENERJUN SEMPURNA

Atlet terjun Quan Hongchan dari China meraih emas dengan markah 10 pada lima terjunan pertama dalam temasya ini.

Gadis berumur 17 tahun itu pernah mendapat markah 10 dan mendapat emas di Olimpik Tokyo. Beliau juga juara dunia tiga sukan terjun.



EMAS BERTURUT SEJAK OLIMPIK 1988

Korea Selatan memenangi pingat emas ke-10 berturut-turut acara memanah berpasukan wanita selepas menewaskan China 5-4.

Negara itu mengekalkan dominasi penuh acara terbabit meraih setiap pingat emas sejak memanah berpasukan wanita diperkenalkan di Olimpik 1988.





CERIA... Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim (tengah) menyerahkan replika kunci sempena Majlis Peluncuran Perumahan Penjawat Awam Malaysia MADANI di Bandar Sri Permaisuri, Kuala Lumpur pada 6 Ogos. Turut sama Ahli Parlimen Bandar Tun Razak Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail (dua, kanan), Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Nga Kor Ming (dua, kiri) dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Dr Zaliha Mustafa (kanan). Foto BERNAMA

Diunjur kekal prestasi

Ringgit terkukuh dalam 14 tahun

SHAH ALAM - Ringgit pada tahap paling kukuh dalam tempoh 14 tahun hasil dasar muafakat Kerajaan Perpaduan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau yang juga menteri kewangan berkata mata wang itu yang sering dipertikai pembangkang kononnya merudum memperlihatkan pemulihan positif bawah pentadbiran sedia ada, lapor Bernama.

"Pelaburan datang, kalau tengok rekod puluhan tahun, orang yang pernah dalam kerajaan persekutuan tahu belum pernah sambutan (pelabur) sebegitu rupa," katanya pada 4 Ogos.

Menurut MIDF Amanah Investment Bank Bhd, ia kesan kemasukan semula

dana asing ke pasaran berlaku pesat dan didorong jangkaan pengurangan Kadar Dana Persekutuan Rizab Persekutuan.

Dalam nota penyelidikannya, faktor lain pula antaranya perbezaan faedah yang mengecil dijangka meningkatkan mata wang serantau termasuk ringgit.

"Bagaimanapun, disebabkan kekuatan dolar Amerika Syarikat (AS) berpandangan, kami menjangka ringgit menokok secara purata pada RM4.64 tahun ini," kata nota tersebut.

Ringgit naik 2.8 peratus bulan ke bulan kepada RM4.591 pada Julai, mengakhiri penurunan separuh pertama 2024 sebelum naik sedikit berbanding dolar AS.

Mengikut Standard Chartered Bank Research, ringgit diunjur kekal mencatat prestasi terbaik di rantau ini ekoran ia satu-satunya mata wang Asia yang naik berbanding dolar AS setakat ini.

Dalam laporannya, asas pendasar turut positif kepada ringgit antaranya pegangan asing yang rendah, perbezaan dasar monetari yang dijangka meningkat berbanding penurunan di rantau ini.

"Kami menyaksikan ringgit pulih dengan ketara dalam tempoh singkat dan potensi pembinaan semula rizab mungkin memperlakan kenaikan selanjutnya secara relatif," kata penyelidikan itu.

Rawat wanita, kanak-kanak Palestin

KUALA LUMPUR - Kerajaan berhasrat untuk membawa sebahagian rakyat Palestin yang cedera dizalimi rejim Israel khususnya wanita dan kanak-kanak untuk menerima rawatan di negara ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim memberitahu cadangan itu telah disuarakan kepada Presiden Mesir Abdel-Fattah al-Sisi dan beberapa pemimpin negara Islam lain.

"Kita akan bantu yang sakit, sama ada

dirawat di sana atau dibawa ke mari untuk diberi rawatan. Kita akan teruskan tanpa tolak ansur.

"Kerajaan akan peruntuk dana. Saya bincang dengan Gabenor Bank Negara Malaysia (Datuk Shaik Abdul Rasheed Ghaffour)," katanya dalam Himpunan Pembebasan Palestin di Bukit Jalil di sini.

Program pada 4 Ogos itu bertujuan menyatakan bantahan ekoran pembunuhan Ketua Biro Politik Hamas Ismail

Haniyeh di Tehran, Iran pada 31 Julai.

Acara itu turut diserikan persembahan anak-anak Palestin selain artis tempatan dan tayangan video belasungkawa Ismail Haniyeh sebelum diakhiri bacaan doa Qunut Nazilah.

Memberijaminan untuk terus menyuarakan tentangan terhadap Israel, Anwar menyeru seluruh rakyat Malaysia supaya menyebarkan kisah penderitaan rakyat Palestin menerusi pelbagai wadah.

PM ke Rusia bincang kerjasama ekonomi

SHAH ALAM - Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim akan mengadakan pertemuan dengan Presiden Rusia Vladimir Putin di Vladivostok, Rusia dalam tempoh beberapa minggu lagi.

Menurut Anwar yang juga menteri kewangan, pertemuan itu bertujuan membincangkan kerjasama ekonomi bersama negara itu selain mengekalkan hubungan baik antara kedua-dua negara.

"Beberapa minggu lagi saya akan ke Vladivostok untuk menerima undangan Presiden Putin bagi membincangkan kerjasama ekonomi.

"(Ini) meletakkan kita sebagai negara yang mempertahankan pendirian kita yang bebas dan tidak mengambil sikap untuk bermusuhan dengan sesiapa," katanya pada 2 Ogos.

Pada 28 Julai, Menteri Luar Rusia Sergey Lavrov melakukan kunjungan hormat di Putrajaya antara lain berbincang hasrat Malaysia menyertai blok ekonomi BRICS (Brazil, Rusia, India, China dan Afrika Selatan).

Pulih 704 projek perumahan

SHAH ALAM - Sebanyak 704 projek dipulihkan melalui Pasukan Khas Perumahan Swasta Sakit dan Terbengkalai setakat Jun, kata Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Nga Kor Ming.

Menjelaskan kementerian menyasar tiada lagi projek bermasalah menjelang 2030, beliau berkata pemulihan tersebut melibatkan 82,101 unit rumah bernilai RM58.94 bilion, lapor Bernama.

Beliau memberitahu langkah tersebut antaranya menguat kuasa sekatan perjalanan ke luar negara kepada pemaju atau ahli lembaga pengarah yang disenarai hitam akibat kegagalan projek.

Struktur pinjaman PTPTN RM300

SHAH ALAM - Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) melanjutkan Kempen Strukturkan Pinjaman Anda Serendah RM300 untuk peminjamnya hingga 30 September.

Menurut PTPTN, kempen yang terbuka kepada peminjam yang ada tunggakan ditambah daripada dua bulan yang berakhir 31 Julai kepada empat bulan lagi mulai 1 Jun, lapor Bernama.

Kenyataan berkenaan menyebut peminjam perlu membuat bayaran RM300 untuk penstrukturkan semula dengan membuat potongan gaji atau debit terus sebagai kaedah bayaran balik yang teratur.

Penstrukturkan semula itu memudahkan peminjam untuk mengubah struktur jadual bayaran dan menetapkan ansuran bulanan berdasarkan kemampuan, kata perbadanan tersebut.

Amanah Raya jejak waris RM500 juta

SHAH ALAM - Amanah Raya Bhd (Amanah Raya) giat menjejak waris RM500 juta Wang Menunggu Dituntut (WMD) atau dana bertanggung yang tersimpan setakat akhir Julai.

Pengerusinya Tan Sri Idrus Harun memberitahu Amanah Raya bekerjasama dengan Jabatan Pendaftaran Negara dan pemimpin masyarakat bagi menjejak waris, lapor Bernama.

Beliau memberitahu faktor utama dana itu tidak dituntut antaranya perbalahan antara penerima pusaka dan kes kematian berlapis sekali gus mengakibatkan harta tersebut tidak diagih.

Idrus menjelaskan Amanah Raya hanya berperanan sebagai pemegang amanah kepada WMD sehingga serahan dibuat kepada waris sah.

Beliau ditemui ketika merasmikan Jom Pakat Pi Bendang di Unit Peladang Parit Haji Ali Alor Pongsu, Bagan Serai pada 31 Julai. Hadir sama, Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang Datuk Mahfuz Omar.

RM137 senggara 201 klinik kesihatan

SHAH ALAM - Sebanyak RM137 juta dibelanjakan setahun bagi menyelenggara 201 klinik kesihatan di seluruh negara melalui Perkhidmatan Sokongan Klinik (PSK) selama lima tahun mulai 2022.

Menurut Kementerian Kesihatan di laman sesawang Parlimen, penyelenggaraan itu bukan melibatkan perkhidmatan kemudahan kejuruteraan dan perkhidmatan pembersihan, lapor Bernama.

"Bagi tempoh lima tahun, sebanyak 65 buah klinik kesihatan siap dibina dengan kos projek RM1,156,572,795 dan memulakan operasi bagi memberi perkhidmatan kepada rakyat.

"Kementerian meneliti cadangan untuk bekerjasama dengan klinik swasta bagi setengah perkhidmatan terutama pencegahan, promosi dan kuratif," kata kenyataan pada 31 Julai.

Kenaikan sehingga 42.7 peratus

SHAH ALAM - Penjawat awam dalam kalangan kumpulan pelaksana dijangka menikmati kenaikan gaji melalui Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) sehingga 42.7 peratus, kata Fahmi Fadzil.

Jurucakap Kerajaan Perpaduan itu yang juga menteri komunikasi memberi gambaran sedemikian merujuk mekanisme peningkatan gaji yang bakal diketahui minggu depan, lapor Berita Harian.

"Bermula minggu depan, kita akan dapat gambaran secara umum peningkatan gaji penjawat awam yang dijangka sekitar 15 hingga 42.7 peratus.

"Peningkatan ini bagi kumpulan

pelaksana paling tinggi manakala bagi kumpulan seperti KSU (ketua setiausaha), ketua pengarah, peningkatannya lebih sederhana," katanya pada 7 Ogos.

Beliau menambah perkara berkaitan kesan kewangan itu bukan sekadar dibawa dalam mesyuarat Kabinet tetapi meliputi Belanjawan 2025 yang akan dibentangkan di Parlimen pada 18 Oktober.

"Jadi untuk perincian terutama dari aspek jumlah yang perlu diperuntukkan bagi kenaikan gaji, perincian akan boleh dilihat dalam dokumen Belan-

jawan 2025.

"Ini usaha Kerajaan Madani untuk memastikan supaya penjawat awam dapat menikmati kenaikan gaji," katanya.

Fahmi juga menjelaskan Kementerian Sumber Manusia pada masa ini giat meneruskan usaha pendaftaran syarikat yang ingin turut serta dalam program dasar gaji progresif.

Beliau memberitahu mana-mana syarikat swasta yang belum berdaftar tetapi berminat untuk berbuat demikian boleh berhubung dengan Kementerian tersebut.



Cuepacs seru tingkat mutu perkhidmatan

Kiraan gaji baharu kakitangan 16 Ogos

SHAH ALAM - Penjawat awam boleh menyemak dan mengetahui kadar baharu gaji pada minggu depan, kata Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Operasi) Datuk Mohd Shaiful Ibrahim.

Beliau dalam program Apa Khabar Malaysia terbitan Bernama TV memberitahu Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam akan menyediakan khidmat kiraan kenaikan tersebut mulai 16 Ogos.

"Ada kalkulator (untuk kira) berapa gaji kita. Pada 1 Disember akan berlaku kenaikan gaji dan hujung bulan (Disember) penjawat awam terima kadar gaji baharu," katanya pada 5 Ogos.

Beliau menjelaskan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) yang

diperkenalkan kerajaan terpakai kepada perkhidmatan awam persekutuan dan Jabatan Perkhidmatan Awam.

"Bagi penjawat awam negeri serta pihak berkuasa berkanun dan tempatan, jika mereka menerima SSPA, maka ia menerima pakai semua sama seperti penjawat awam persekutuan," katanya.

Sementara itu, Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) menyeru penjawat awam di negara ini supaya meningkatkan prestasi kerja selari kenaikan gaji.

Presidennya Datuk Dr Adnan Mat percaya kadar baharu itu membuktikan kerajaan mahu penjawat awam membuktikan keupayaan mereka memberi perkhidmatan terbaik kepada

da rakyat, lapor Bernama.

"Perinciannya diumumkan 16 Ogos manakala pelaksanaannya pada Disember. Maksudnya kerajaan hendak lihat lebih awal sumbangan kita (penjawat awam) sebelum gaji dinaikkan," katanya.

Mengingatkan penjawat awam supaya memberi perkhidmatan terbaik supaya kenaikan itu tidak dipertikai masyarakat, beliau memberitahu sedikit kelemahan boleh menjadi isu besar.

Adnan memberi jaminan penjawat awam sentiasa memberi komitmen tinggi dalam menjalankan tugas yang terbukti semasa mereka menjadi barisan hadapan berdepan pandemik beberapa tahun lepas.

Kolestrol punca kematian

SHAH ALAM - Penyakit kardiovaskular menyumbang hampir 23.3 peratus kematian di Malaysia sejak bertahun-tahun lamanya, kata Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad.

Beliau memberitahu kolesterol tinggi antara faktor risiko utama bagi penyakit kardiovaskular aterosklerotik penyebab utama morbiditi dan kematian, lapor Bernama.

Katanya, 33.3 peratus orang dewasa atau 7.6 juta yang berumur 18 dan ke atas menderita penyakit kolestrol tinggi berdasarkan Kaji Selidik Morbiditi dan Kesihatan Kebangsaan.

"Lebih membimbangkan, satu daripada dua orang dewasa tidak menyedari mereka menderita penyakit ini kerana biasanya peningkatan kolestrol tidak menunjukkan simptom," katanya.

Menurut Dr Dzulkefly lagi, kawalan tahap koles-


terol belum mencapai sasaran bagi kebanyakan pesakit terutama mereka yang berisiko tinggi dan masalah tersebut perlu diatasi segera.

Sementara itu, kadar kolesterol dan gula tinggi antara masalah paling banyak dikesan dalam kalangan penduduk yang mengikuti pemeriksaan kesihatan percuma anjuran Kerajaan Selangor.

Menurut EXCO Kesihatan Jamaluddin pada 17 Julai, hampir separuh daripada 4,938 peserta Selangor Saring berisiko menghidap kencing manis, buah pinggang kronik dan sakit jantung.

Menerusi pembentangan Belanjawan Selangor 2024, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari mengumumkan peruntukan RM3.2 juta bagi meneruskan saringan kesihatan percuma.





PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN BHD
(201401006213)

KENYATAAN TENDER		
Bil.	NO. TENDER	KETERANGAN
1.	PN0000019242	SUPPLY, DELIVERY, INSTALL, TESTING COMMISSIONING & INTEGRATION OF ELECTROMAGNETIC (EM) METERS FOR NEW DEVELOPMENT, RESIZING AND REPLACEMENT PROGRAMME (2025 - 2027)
2.	PN0000000066-CWR	DESIGN AND BUILD OF NEW PRE-TREATMENT SYSTEM AND OTHER ASSOCIATED WORKS AT SETIA ALAM WRP
KENYATAAN PRA-KELAYAKAN		
Bil.	NO. PRA-KELAYAKAN	KETERANGAN
1.	PN0000019365	PRA-KELAYAKAN SEBAGAI PANEL KONTRAKTOR PAIP KECEMASAN BERUKURAN ≥ 1000MM DIAMETER
2.	PN0000019179	PRE-QUALIFICATION FOR THE APPOINTMENT OF EMERGENCY PANEL CONTRACTOR FOR MECHANICAL SERVICES

Untuk butiran lanjut dan penyertaan tender/prakelayakan di atas, sila layari laman web kami di <https://www.airselangor.com/vendor/tender-lists> or <https://tender.airselangor.com>.

Menurut Dr Dzulkefly lagi, kawalan tahap koles-



Murid Taska & Tadika Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) membawa masuk bendera Malaysia ketika majlis pelancaran Kempen Kibar Jalur Gemilang 2024 di ibu pejabat MBPJ, Petaling Jaya pada 5 Ogos. FIKRI YUSOF

Galak penduduk kibar Jalur Gemilang

23 program menarik sempena merdeka

Oleh SHEEDA FATHIL

PETALING JAYA - Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) menganjurkan 23 program menarik sepanjang bulan ini hingga 22 September sempena sambutan Bulan Kemerdekaan.

Datuk Bandarnya Mohamad Zahri Samingon berkata acara berkenaan antaranya pertandingan nyanyian patriotik, hiasan kibar Jalur Gemilang dan larian PJ Half Marathon.

"Program ini bertujuan menyemarakkan lagi semangat Hari Kebangsaan dalam kalangan penduduk

Petaling Jaya sekali gus memupuk perpaduan dan kekitaan yang kuat dalam diri.

"Kami mempelawa semua pihak untuk turut serta dalam program yang dianjurkan dan bersama mengibarkan Jalur Gemilang dengan rasa penuh bangga," katanya.

Beliau melancarkan Kempen Jalur Gemilang peringkat Petaling Jaya sempena Hari Kebangsaan ke-67 di ibu pejabat pihak berkuasa tempatan itu di sini pada 5 Ogos.

Beliau turut mengedar 2,000 bendera kepada rakan strategik dalam Petaling Jaya antaranya Jabatan Ke-

bajikan Masyarakat, Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd, sekolah, persatuan orang kelainan upaya dan warga emas.

Mohamad Zahri turut menggalakkan penduduk Petaling Jaya mengibarkan Jalur Gemilang sepanjang sambutan Hari Kebangsaan sebagai tanda semangat patriotisme.

"Penganjuran kempen ini merupakan salah satu inisiatif MBPJ untuk menggalakkan agensi kerajaan, swasta dan seluruh warga Petaling Jaya mengibarkan Jalur Gemilang sebagai tanda meraikan Kemerdekaan," katanya.

iClean ada 150,000 pengguna aktif

SHAH ALAM - Aplikasi iClean Selangor yang dibangunkan KDEB Waste Management (KDEBWM) untuk membuat aduan kutipan sampah dan pembersihan awam merekod sekitar 150,000 pengguna aktif.

Diperkenalkan pada 2016, aplikasi itu menurut Pengarah Urusannya Dato' Ramli Mohd Tahir berkesan untuk menyelesaikan masalah dengan mengesan lokasi pengadu berdaftar.

"la mengatasi batasan di mana anda

tinggal, dengan jarak tepat melalui geolokasi di telefon pintar bagi memastikan aduan diselesaikan dengan tuntas.

"Bagi memastikan capaian iClean meluas, KDEBWM giat mempromosi di media sosial dan hebahan lain," katanya yang menyasar 200,000 pengguna aktif menjelang hujung tahun ini.

iClean Selangor yang boleh dimuat turun menerusi Google Play dan App Store memudahkan penduduk mem-

buat aduan kutipan sisa pepejal sama ada sampah domestik, pukal atau pembersihan awam.

Pengadu hanya perlu memilih pihak berkuasa tempatan, jenis aduan dan huraian masalah. Aplikasi tersebut akan mengesan lokasi pengadu dan membenarkan proses muat naik gambar.

Untuk dua tahun berturut-turut sejak 2023, aplikasi tersebut diiktiraf sebagai Aplikasi Perkhidmatan Awam Terbaik dalam Anugerah PC.Com.

Kutip RM1 juta kompaun

SHAH ALAM - Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) mengutip lebih RM1 juta kompaun daripada 50 entiti yang dikesan melakukan pelbagai kesalahan merisiko sumber air mentah sepanjang tahun lalu.

Pengarahnya Hasrolnizam Shaari memberitahu tindakan sedemikian diambil hasil pemantauan dan penguatkuasaan berterusan yang dijalankan anggota LUAS di lapangan.

"Untuk 2024, RM800,000 kompaun dikutip sehingga kini dan kita jangka jumlah itu bertambah. Biasanya kesalahan dikesan bukan kesalahan berulang tetapi orang berlainan.

"Saman juga terus dikeluarkan sekiranya didapati mesin dan peralatan yang digunakan premis berkaitan rosak," katanya dalam wawancara khas bersama Media Selangor pada 31 Julai.

Dengar bantahan cukai mulai 15 Ogos

PETALING JAYA - Majlis Bandaraya Petaling Jaya akan menyemak semua bantahan berhubung kenaikan kadar cukai taksiran yang dikemuka penduduk, kata datuk bandar.

Mohamad Zahri Samingon berkata pihaknya menerima 25,000 bantahan setakat Mei dan sesi pendengaran diadakan selama sebulan bermula 15 Ogos hingga 15 September.

"Sepanjang tempoh itu, kita akan memanggil 1,000 orang sehari bagi mengemukakan bantahan mereka dan kita akan meneliti sebelum diangkat kepada Kerajaan Negeri.

"Rata-rata yang membantah sebelum ini pun atas faktor kos sara hidup yang tinggi malahan ada segelintir mempersoal kenapa baharu kini dinaikkan," katanya pada 5 Ogos.

MPKS tawar kurangkan kompaun

SHAH ALAM - Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) mengadakan pelbagai tawaran menarik antara 1 Ogos hingga 16 September sempena sambutan ulang tahun ketiganya.

Menurut pihak berkuasa tempatan itu, insentif tersebut antaranya parkir percuma di seluruh kawasan pentadbirannya dan potongan penuh Notis E dan Waran F cukai taksiran pada 7 Ogos.

"Pengurangan 50 peratus bayaran kompaun pelbagai bagi semua kesalahan bawah undang-undang yang diguna pakai MPKS bermula 7 Ogos hingga 16 September.

"Tawaran pengurangan turut meliputi bayaran RM10 kompaun letak kereta sebelum tindakan mahkamah dikenakan mulai 10 Ogos hingga 30 September ini," kata kenyataan di Facebook pada 2 Ogos.

Teliti maklumat isu Ustaz Don

KLANG - Penelitian terhadap isu pence-ramah bebas Don Daniyal Don Biyajid pada peringkat akhir, kata Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (Mais) Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof.

Katanya, Jawatankuasa Tauliah Mais bertemu Don Daniyal atau dikenali sebagai Ustaz Don selesai meneliti kenyataan bertulis fakta ceramah sebelum ini, lapor Bernama.

"Jawatankuasa Tauliah sedang meneliti maklumat yang diterima dan juga pandangan ahli-ahli dan selepas itu satu pengumuman rasmi akan dibuat dalam masa terdekat," katanya pada 4 Ogos.

Pada 25 Jun, Jabatan Agama Islam Selangor mengeluarkan arahan kepada semua agensi, masjid, surau dan musala bagi menangguk undangan Don Daniyal di premis masing-masing.

Arahan itu dikeluarkan berikutan beberapa isu mengenai pengajaran atau ceramah agama Islam yang disampaikan Don Daniyal disyaki membawa kepada perlanggaran beberapa ketetapan Peraturan-Peraturan Tauliah (Negeri Selangor) 2008.

Dalam perkembangan lain, Abdul Aziz berkata Mais memerintuk RM19.4 juta dari peruntukan zakat asnaf riqab tahun ini bagi menyediakan bantuan pemulihan, perlindungan, rawatan, pencegahan dan bantuan lain yang berkaitan.

35,000 berpotensi dapat sijil halal

SHAH ALAM - Halal International Selangor (HIS) Toyyiba Sdn Bhd mengenal pasti kira-kira 35,000 usahawan Platform Selangor (PLATS) berpotensi untuk memperoleh pensijilan halal.

Pengurus Besarnya Muhammad Syaril Showkat Ali memberitahu rata-rata usahawan berupaya untuk mendapatkan sijil halal tetapi mereka tidak dibimbing dengan baik.

"September tahun lalu, kita melihat



perkara ini dan berbincang dengan Dato' Menteri Besar (Dato' Seri Amirudin Shari) untuk memasukkan elemen halal kepada semua usahawan PLATS.

"Pertama kita mahu membantu mereka mendapatkan sijil halal dan kedua berusaha mengembangkan pasaran domestik seterusnya menembusi pasaran luar negara," katanya pada 30 Julai.

Muhammad Syaril menjelaskan seramai 5,099 usahawan termasuk pe-

niaga kecil dan sederhana memohon sijil pengesahan halal Malaysia berdasarkan data Jabatan Agama Islam Selangor.

"Jumlah ini menunjukkan sijil halal bukannya hanya boleh dilaksanakan syarikat besar atau multinasional sahaja sebaliknya boleh dimohon semua peringkat perniagaan," katanya.

Beliau menambah sebanyak 9,162 peniaga menerima sijil halal sepanjang tahun lalu manakala 1,472 daripada mereka berjaya mengeksport produk ke peringkat antarabangsa.

Sesi percubaan VFL Wolfsburg

Qaseh Rania serlah bakat di Jerman

Oleh **SUHAILA SHAHRUL ANNUAR**

SEPANG - Pemain termuda Liga Super Wanita Persatuan Bola Sepak Selangor (FAS) 2023 Qaseh Rania Khairul Najib menjadi pemain Asia Tenggara pertama menerima tawaran menjalani sesi percubaan bersama kelab VFL Wolfsburg di Jerman.

burg di Jerman.

Ketua Wakil Asia Tenggara Wolfsburg, Dato' Kenhew Tze Kan berkata kualiti Qaseh Rania, 14, sukar didapati pada pemain seusianya merangkumi segenap aspek termasuk bakat, kemahiran dan personaliti yang memikat pengurusan gergasi kelab bola sepak wanita itu.

Tze Kan berkata Qaseh Rania akan melalui penilaian bagi menentukan tahap kemahirannya selain pendedahan berlatih dengan juara dua kali kejohanan Liga Juara-juara Eropah dibarisi pemain wanita terbaik dunia.

"Wolfsburg akan beri Qaseh Rania peluang untuk mempamerkan bakatnya dan cuba memasukkan Rania ke dalam sistem. Kita mahu dia berjaya sebab dia mempunyai bakat dan keistimewaan yang tidak boleh dipersia," katanya.

"Selain faktor fizikal dengan ketinggian yang baik, bakat serta naluri semula jadi sebagai pemain, paling penting ketenangan dimiliki Rania sukar didapati pada pemain lain walaupun senior.



"Sesi latihannya juga bukan calang-calang. Kita nampak komitmen Rania pada setiap sesi latihan membuatkan saya rasa cukup rugi jika tidak ketengahkan bakat ini," katanya di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur pada 6 Ogos.

Qaseh Rania diringi bapanya Khairul Najib Ibrahim berlepas ke Hannover, Jerman bagi memulakan sesi percubaan selama enam minggu.

Ketua Yayasan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI Ahmad Azri Zainal Nor berkata pihaknya komited mengetengahkan bakat dalam pelbagai bidang untuk melonjak mereka ke peringkat lebih tinggi.

Katanya, MBI membantu membina bakat Rania sejak 2020 termasuk menaja kos RM15,000 ketika mengikuti program latihan bersama kelab NK Osijek (Liga 1 Croatia) pada 2022.

Tambah pusat kitar

SHAH ALAM - KDEB Waste Management (KDEBWM) berhasrat untuk menambah bilangan Pusat Kitar Semula Pandu Lalu Automatik (AT-DReC) di beberapa kawasan.

Pengarah Urusannya Dato' Ramli Mohd Tahir menjelaskan Hulu Selangor, Ampang dan Petaling Jaya antara kawasan yang sedang dikenal pasti untuk peluasan inisiatif tersebut.

"Kita memang telah berbincang dengan beberapa pihak berkuasa

tempat dan sedang menganalisis dan mengenal pasti beberapa tapak yang difikirkan sesuai.

"Kalau ada yang sesuai, insya-Allah kita akan buat pelaburan baharu untuk menambahkan lagi unit-unit AT-DReC ini," kata beliau pada 2 Ogos.

Sebelum ini Ramli memaklumkan, AT-DReC yang dilancar pada Mac di Pusat Kitar Semula Cyberjaya berjaya mengutip 1.7 tan barangan kitar semula bagi tempoh April hingga pertengahan Mei.



KERAJAAN NEGERI SELANGOR
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN NEGERI SELANGOR

KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa kepada kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan dan Pusat Khidmat Kontraktor/Kementerian Kewangan dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja/perkhidmatan berikut:

PEJABAT YANG MEMANGGIL TAWARAN	NOMBOR TENDER TAJUK PROJEK	TARAF	SYARAT PENDAFTARAN	TEMPAT & TARIKH DOKUMEN MULAI DIJUAL	HARGA DOKUMEN & BAYARAN ATAS NAMA	TEMPAT, TARIKH & WAKTU TENDER TUTUP
Bhg. Ukur Bahan dan Kontrak, JPS Negeri Selangor	JPS/N/SEL/S/9/2024 KERJA-KERJA MENAIKTARAF BENTENG DI SUNGAI PULAI CH300-CH3500, DAERAH SABAK BERNAM, SELANGOR DARUL EHSAN	Terbuka	Berdaftar Dengan CIDB Memegang Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan. Gred : G5 Kategori : CE Pengkhususan: CE21 & CE36 Kontraktor juga hendaklah berdaftar dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPENS)	Pembelian dokumen tawaran secara Online di laman web https://tender.selangor.my/ . Syarikat dikehendaki melampirkan salinan resit asal bayaran. Resit tersebut hendaklah dilampirkan di mukasurat hadapan dokumen. 16th OGOS 2024 hingga 06th SEPTEMBER 2024	RM210.00 Pengarah Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor (Bayaran Secara Online)	Peti Tender, Bhg. Ukur Bahan & Kontrak, JPS Selangor, Tingkat 5, Blok Podium Selatan, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, 40626 Shah Alam, Selangor. 09th SEPTEMBER 2024 (ISNIN) Jam 12.00 tengahari
Taklimat dan Lawatan Tapak : Adalah DIWAJIBKAN pada : 15hb Ogos 2024 (Khamis) Masa : 10.00 pagi Tempat Berkumpul : Pejabat Mekanikal & Stor Parit 1 Timur, Jps Daerah Sabak Bernam (Koordinat: 3.679566, 100.993442)						
Bhg. Ukur Bahan dan Kontrak, JPS Negeri Selangor	JPS/N/SEL/S/10/2024 KERJA-KERJA MENAIKTARAF BENTENG DI BENTENG SEKENDI CH200-CH4275, DAERAH SABAK BERNAM, SELANGOR DARUL EHSAN	Terbuka	Berdaftar Dengan CIDB Memegang Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan. Gred : G6 Kategori : CE Pengkhususan: CE21 & CE36 Kontraktor juga hendaklah berdaftar dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPENS)	Pembelian dokumen tawaran secara Online di laman web https://tender.selangor.my/ . Syarikat dikehendaki melampirkan salinan resit asal bayaran. Resit tersebut hendaklah dilampirkan di mukasurat hadapan dokumen. 16th OGOS 2024 hingga 06th SEPTEMBER 2024	RM450.00 Pengarah Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor (Bayaran Secara Online)	Peti Tender, Bhg. Ukur Bahan & Kontrak, JPS Selangor, Tingkat 5, Blok Podium Selatan, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, 40626 Shah Alam, Selangor. 10th SEPTEMBER 2024 (SELASA) Jam 12.00 tengahari
Taklimat dan Lawatan Tapak : Adalah DIWAJIBKAN pada : 15hb Ogos 2024 (Khamis) Masa : 02.30 petang Tempat Berkumpul : Pejabat Mekanikal & Stor Parit 1 Timur, Jps Daerah Sabak Bernam (Koordinat: 3.679566, 100.993442)						
Lawatan Tapak Adalah DIWAJIBKAN kepada PENAMA di dalam Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), PUKONSA, UPJK atau bagi pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan hanya penama di Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat yang boleh menghadiri taklimat. Syarikat TIDAK BOLEH mewakilkan pegawai selain daripada penama dalam PPK, SPKK, PUKONSA atau Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, Kementerian Kewangan.						

Dokumen Meja Tender boleh disemak dan dokumen tender boleh diperolehi di pejabat berkenaan pada waktu **9.00 pagi** hingga **3.30 petang** sahaja. Waktu rehat **1.00 tengahari** hingga **2.00 petang**. Salinan resit pembelian hendaklah dilampirkan semasa pengambilan dokumen tender.

Dokumen tender akan dikeluarkan kepada wakil-wakil kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini wakil-wakil kontraktor hendaklah membawa **SJIL ASAL PENDAFTARAN LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN, PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR/KEMENTERIAN KEWANGAN DAN PENDAFTARAN UPENS SERTA SJIJL TARAF BUMIPUTERA** PKK jika berkenaan dan satu **SALINAN** bagi sijil-sijil berkenaan semasa membeli dokumen tender.

Petender boleh menyemak Jadual Tender yang akan dipaparkan di dalam website Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor selawat-lewatnya Tujuh (7) hari dari tarikh tutup tender.



CEMERLANG... Pemenang pingat gangsa Sukan Olimpik Paris 2024 Lee Zii Jia (perseorangan) dan beregu badminton Aaron Chia-Soh Wooi Yik disambut meriah ketika tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, Sepang pada 7 Ogos. Foto BERNAMA

Kembali beraksi sejak insiden simbah asid

Penampilan pertama Faisal di TSSC

Oleh **SITI ROHAIZAH ZAINAL**

SHAH ALAM - Pemain Selangor FC Faisal Halim dijangka membuat kemunculan khas pada perlawanan Piala Sultan Selangor (TSSC) di Stadium Merdeka 17 Ogos.

Perkara itu dimaklumkan Pengerusi dan Pengurus TSSC Tan Sri Abd Karim Munisar pada majlis ramah mesra pemain pasukan pilihan Selangor bersama peminat di pusat beli-belah SACC pada 5 Ogos.

"Saya ada berjumpa Faisal bersama pemain Selangor lain... beliau bersedia untuk beraksi pada perlawanan 17 Ogos nanti.

"Ini titik permulaan dalam karier Faisal dan sama-sama kita datang untuk beri semangat. Selain itu, pelbagai aktiviti diadakan seperti pertunjukan payung terjun, bunga api dan persembahan Datuk Jamal Abdillah.

"Apa yang penting dalam keghairahan menyokong perlu ada manifestasi semangat kesukanan. Memang kita sasar hendak menang, bola sepak juga menjadi platform penting untuk menyatupadukan," katanya.

Beliau memaklumkan penonton berpeluang memenangi cabutan bertuah bernilai RM130,000 termasuk hadiah

utama sebuah kereta Honda City selain dua percutian empat hari tiga malam di Hotel Marriot, Kota Kinabalu Sabah dan The Noble, Melaka.

"Setakat ini, semua persiapan telah selesai dengan stadium dibaik pulih sebelum dibuka kepada orang ramai menjelang perlawanan dan latihan penuh diadakan 15 Ogos nanti.

"Selain itu, semua 20,000 tiket bagi perlawanan ini juga habis terjual termasuk 1,500 yang dihadkan kepada penonton Singapura berikutan kapasiti stadium," ujarnya.

Sebelum ini, siri jelajah promosi perlawanan TSSC melibatkan aksi Selangor dan Singapura diadakan di lima pihak berkuasa tempatan.

Sesi jelajah bermula di Majlis Bandaraya Shah Alam pada 24 Jun, diikuti Majlis Perbandaran Sepang dan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (9 Julai) seterusnya Majlis Perbandaran Ampang Jaya (15 Julai) dan Majlis Perbandaran Selangor (22 Julai).

Stadium Merdeka sebelum ini ditutup bagi menjalani kerja pemuliharaan dan penambahbaikan yang dilaksana Permodalan Nasional Berhad bermula 2016.

Stadium yang mula dibina pada 1956 dan siap dalam tempoh setahun itu dianggap sebagai keajaiban kejuruteraan negara, selain menjadi lokasi bersejarah pengisytiharan kemerdekaan tanah air.



PEJABAT TANAH DAN GALIAN NEGERI SELANGOR

NOTIS SEBUT HARGA

Tawaran adalah dipelawa daripada penyebut harga-penyebut harga yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan UPEN serta berpengalaman dalam kerja - kerja berkaitan seperti berikut :-

No. Tender	Tajuk Projek	Kelayakan Petender	Tarikh & Tempat Dokumen Mula Dijual	Harga Dokumen
SH/PTGS/03/2024	Sebut Harga Pembekalan, Pemasangan, Pembangunan dan Pentauliahan Kios Carian Smartbox Secara Layan Diri di Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Selangor (PTGS) dan sembilan (9) Pejabat Daerah Dan Tanah (PDT) Negeri Selangor	Berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang 140302 dan 140503 dan 210101 dan 210102 dan 210103 dan 210104 dan 210105 dan 210201 yang masih sah dan berkuatkuasa; DAN Surat Pengesahan Pendaftaran Sistem Tender Online Selangor, (UPEN) yang masih sah dan berkuatkuasa	8 OGOS 2024 (KHAMIS) Dokumen Meja Tawaran akan mula dipamerkan dan Dokumen Tender akan dijual dengan cara dimuat turun melalui laman sesawang Sistem Tender Online Selangor 2.0	RM50.00 Pembayaran melalui Sistem Tender Online Selangor 2.0 Sahaja

- Dokumen Meja Tawaran akan mula dipamerkan mulai 8 Ogos 2024 (Khamis) pada waktu pejabat dengan cara dimuat turun melalui laman sesawang Sistem Tender Online Selangor 2.0.
- Dokumen tawaran ini hanya akan dikeluarkan kepada penyebut harga yang sah sahaja dengan cara dimuat turun melalui laman sesawang Sistem Tender Online Selangor 2.0 mulai 8 Ogos 2024 (Khamis) hingga 21 Ogos 2024 (Rabu) sebelum 12.00 tengahari.
- Tawaran Teknikal dan Tawaran Kewangan hendaklah disediakan dalam 2 sampul yang berasingan dan berlakri. Setiap satu sampul hendaklah dilabelkan "Tawaran Teknikal" dan "Tawaran Kewangan" di sebelah kiri atas sampul kemudiannya kedua-dua sampul dimasukkan ke dalam sampul besar dan ditandakan dengan jelas pada bahagian atau sampul atau bungkusan dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di Pejabat seperti berikut:

SULIT-SH/PTGS/03/2024

Bahagian Khidmat Pengurusan
Tingkat 4, Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Selangor
Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40576 Shah Alam, SELANGOR

- Tarikh tutup Sebut Harga ini adalah pada 21 Ogos 2024 (RABU) jam 12.00 tengah hari.

- Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor tidak semestinya menerima tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran.

Tarikh: 7 Ogos 2024

Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Selangor



BORHAN AMAN SHAH Tanjong Sepat

bersama penerima skim mesra rakyat dan Insentif Haji Muassasah di DUN beliau



ANFAAL SAARI Taman Templer

menyerahkan penyaman udara mudah alih kepada wakil sekolah di Gombak



WONG SIEW KIE Seri Kembangan

sumbang bakul makanan kepada keluarga B40 di DUN beliau



DATUK JOHAN ABD AZIZ Dusun Tua

bantu penduduk mengisi bahan belian jualan murah di Semenyih, Hulu Langat



DR GUNARAJ GEORGE Sentosa

menziarahi mangsa kebakaran di Jalan Samarinda, Klang



MARIAM ABDUL RASHID Meru

bersama wakil agensi kerajaan tinjau kerosakan jalan di Jalan Pasar Malam, Klang



SYED AHMAD ALHADAD Lembah Jaya

menyampaikan sumbangan kerusi roda kepada penduduk di Taman Watan, Ampang Jaya



S PREAKAS Kota Kemuning

menyertai gotong-royong basmi denggi di Pangsapuri PPR Hicom, Shah Alam

Selesai 60 peratus isu banjir

SHAH ALAM - Sebahagian isu banjir yang membelenggu penduduk Dewan Undangan Negeri (DUN) Batu Tiga diselesaikan dalam tempoh setahun, kata wakil rakyatnya Danial Al-Rashid Haron.

Beliau yang memberi keutamaan kepada isu berkenaan menanggung kira-kira 60 peratus masalah tersebut diatasi sejak dipilih sebagai Ahli Dewan Negeri pada 12 Ogos tahun lalu.

Katanya lagi, empat daripada tu-



juh kawasan bermasalah diatasi menerusi pembinaan kolam tadahan, pam air dan tembok banjir.

"Saya risau ia berulang seperti banjir besar pada 2021. Batu Tiga ada banyak kawasan rendah seperti di Padang Jawa dan beberapa tempat di Seksyen 24. Dua tempat ini sudah selesai.

"Yang lain dalam perbincangan. Di Kampung Kebun Bunga, kita pasang pam air. Di Padang Jawa, kita bina kolam tadahan dan tambah pam air," katanya pada 5 Ogos.

Selain itu, Danial memberitahu pihaknya bakal membuka pusat latihan e-sukan secara percuma bersebelahan pejabatnya di Seksyen 16 bagi mencungkil bakat anak muda.

"Kita sedang sediakan ruang untuk mereka datang bermain dengan tambah satu unit sebelah pusat khidmat yang dianggar siap dua bulan lagi.

"Datang main di tempat kita, paling tidak ibu bapa tahu anak mereka di mana. Saya cadang buka pusat latihan. Saya telah berhubung dengan Selangor Red Giants dan pasukan lain," katanya.

Nikmati bantuan RM300 sebulan

Mohon BINGKAS sebelum 15 Ogos

Oleh **SHEEDA FATHIL**

GOMBAK - Isi rumah berpendapatan bawah RM5,000 di sekitar Dewan Undangan Negeri (DUN) Taman Templer dipelawa memohon Bantuan Kehidupan Sejahtera Selangor (BINGKAS).


Ahli Dewan Negeri yang juga EXCO Selangor Anfaal Saari memberitahu bantuan RM3,600 setahun itu boleh dipohon sehingga 15 Ogos menerusi laman sesawang www.bingkasselangor.com

"Setakat ini, 475 penduduk DUN

Taman Templer telah memohon dan masih ada kuota kekosongan, kita mengalu-alukan permohonan boleh dibuat dalam talian.

"Selepas 15 Ogos, kita minta pemohon membuat semakan menerusi aplikasi SELangkah (Langkah Masuk Dengan Selamat) untuk menyemak status permohonan," katanya pada 1 Ogos.

BINGKAS menggantikan Kasih Ibu Smart Selangor (KISS) dan KISS IT (Ibu Tunggal) adalah skim terkandung dalam



Itizam Selangor Penyayang (ISP) melalui peruntukan RM108 juta.

Setiap keluarga yang layak akan menerima bantuan RM300 sebulan atau RM3,600 setahun dan bayaran diagih menerusi aplikasi e-dompet Wavpay bagi memudahkan penerima berbelanja.

Sebanyak 16 barangan asas yang boleh dibeli penerima BINGKAS antaranya beras, daging, ayam, ikan, sayur, telur, kicap, mi, tepung, roti, rempah ratus, garam dan minyak masak.

200 individu periksa kesihatan

PETALING JAYA - Lebih 200 individu, kebanyakannya berusia 50 tahun ke atas, menyertai pemeriksaan percuma anjuran Kerajaan Negeri peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN) Kampung Tunku.

Wakil rakyatnya Lim Yi Wei memberitahu program Selangor Saringan pada 3 Ogos itu yang pertama kali diadakan di DUN berkenaan menawarkan pelbagai pemeriksaan kesihatan



secara percuma.

"Kita juga menggalakkan anak muda melakukan saringan kesihatan terutama yang ada sejarah penyakit barah dalam kalangan ahli keluarga. Program ini bukan untuk warga emas sahaja.

"Inisiatif ini menyediakan pelbagai jenis saringan kesihatan. Justeru manfaatkan peluang ini. Jika lakukan sari-

ngan kesihatan di luar kena bayar, di sini percuma sahaja," katanya

Pembantu rumah G Sarah, 54, berkata beliau mendapat janji temu saringan kesihatan hujung bulan ini tetapi diawalkan kerana terdapat kekosongan slot.

"Peluang saringan ini tidak selalu ada dan harus dimanfaatkan semua tidak kira tua atau muda. Penjagaan kesihatan penting kerana banyak penyakit hanya tahu apabila sudah kronik," katanya.

MPAJ sedia tapak niaga sementara

SHAH ALAM - Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) menyediakan tapak niaga sementara kepada 12 penjaja di Medan Selera AU5 Lembah Keramat, Gombak yang terbakar pada 27 Julai.

Menurut penyelaras Dewan Undangan Negeri Hulu Kelang, peniaga dibenar meneruskan perniagaan di kawasan parkir medan selera dengan konsep penjaja berselerak.

"Bantuan khemah, bekalan air dan rumah sampah disediakan MPAJ manakala waktu perniagaan antara 7 pagi hingga 12 tengah malam.

"Pengecualian beberapa bulan sewaan tertakluk kepada budi bicara MPAJ," kata Juwairiya Zulkifli di Facebook pada 2 Ogos.



Beliau menghadiri sesi taklimat MPAJ bersama peniaga yang dikendalikan Yang Dipertuanya Dr Ani Ahmad dan bomba Ampang Jaya.

"Semua syarat yang dikenakan MPAJ dipersetujui peniaga dan mereka bersyukur kerana terus dibantu MPAJ bagi meringankan beban mereka," katanya.

SACC pusat pameran bertaraf dunia

SHAH ALAM - Pusat beli-belah SACC akan dinaik taraf sebagai pusat pameran bertaraf dunia bermula suku pertama 2026.

Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) berkata kerja naik taraf dan pembangunan semula pusat beli-belah itu sebahagian perancangan pembangunan projek SA Sentral di Seksyen 14.

"Ia turut melibatkan beberapa plot di kawasan Seksyen 14 termasuk Pusat Konvensyen SACC serta menaik taraf dan penjenamaan semula Plaza Alam Sentral dan Plaza Perangsang.

"PKNS merancang untuk membangunkan SA Sentral bagi tujuan peremajaan pusat bandar Seksyen 14, Shah Alam sebagai daerah pusat perniagaan di tanah seluas 64.7 hektar.

"SA Sentral menampilkan pembangunan kediaman, komersial, pejabat, taman rekreasi, perpustakaan, stesen transit aliran ringan serta pusat pameran antarabangsa tersebut," katanya pada 5 Ogos.

RM500 bantuan masuk universiti

SHAH ALAM - Individu yang melanjutkan pengajian ke institusi pengajian tinggi (IPT) sekitar Parlimen Bangi berpeluang untuk memohon bantuan RM500.

Wakil rakyatnya Syahredzan Johan memberitahu permohonan yang terhad kepada 100 belia boleh dibuat menerusi pautan bit.ly/BantuanAwalPengajian2024Bangi atau imbas kod QR poster.

"Dokumen yang perlu ialah surat tawaran kemasukan ke universiti, slip gaji atau pengesahan pendapatan atau slip bantuan sara hidup serta sijil kematian atau cerai ibu dan bapa," katanya di Facebook.

Syarat kelayakan antaranya pengundi dan pemastautin di Parlimen Bangi, pendapatan isi rumah bawah RM4,850 dan menerima tawaran kemasukan ke IPT awam atau swasta sesi Julai/September 2024.

Kumpul 500 beg darah sejak 2021

PETALING JAYA - Program derma darah anjuran pusat khidmat Dewan Undangan Negeri (DUN) Bukit Gasing mengumpul lebih 500 beg sejak 2021.

Wakil rakyatnya R Rajiv menjelaskan program berkenaan antara usaha bagi membantu Pusat Darah Negara untuk mendapatkan bekalan mencukupi demi kegunaan pengurusan hospital.

"Sejak 2021, sebanyak 10 kali program derma darah orang ramai diadakan dengan 50 beg berjaya dikumpul pada setiap program.

"DUN Bukit Gasing akan laksana program apabila mendapat permintaan Pusat Darah Negara yang memerlukan bekalan buat pesakit," katanya di Dewan Sekolah Chen Moh di sini pada 4 Ogos.



Mohon biasiswa lanjut PhD

SHAH ALAM - Permohonan biasiswa Wanita Berdaya Selangor (WBS) dengan pengkhususan Kursus Pengajian Pengarusperdanaan Gender peringkat doktor falsafah (PhD) dibuka hingga 31 Ogos.

WBS memaklumkan tawaran sejak 2 Ogos itu terbuka kepada alumni Akademi Kepimpinan Wanita berusia 21 hingga 55 tahun dan warganegara Malaysia berusia 21 hingga 45 tahun.

"Biasiswa ini bermatlamat menyediakan wanita berilmu pengetahuan dan berkemampuan tinggi menerusi pendidikan berterusan, senada dengan aspirasi Dasar Wanita Selangor," maklum WBS menerusi Facebook.

Pemohon perlu mendapat tawaran atau mengikuti pengajian peringkat PhD di mana-mana institut pengajian tinggi awam atau swasta. Permohonan dengan mengimbas kod QR di poster atau e-mel biasiswawbs@gmail.com.

Kerjasama anjur festival makanan

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri dan Thailand sedia mengukuhkan lagi kerjasama diplomasi festival makanan serta budaya sempena Tahun Melawat Selangor 2025.

EXCO Kebudayaan Borhan Aman Shah berkata ia antara usaha berterusan dalam mengetengahkan identiti negeri itu agar terus dikenali di samping menjaga pendapatan pemain industri pelancongan.

"Kita boleh bawa makanan seperti nasi ambeng, punten dan sate yang menjadi identiti negeri ini. Mudah-mudahan ia dapat memperkenalkan Selangor di Thailand.

"Kita juga mempamerkan pelbagai produk usahawan tempatan seperti kopi dan kerepek yang mungkin tidak ada di Thailand sekali gus membantu meningkatkan sektor pelancongan serta budaya untuk kedua-dua pihak," katanya seperti dilapor Bernama pada 5 Ogos.



SEMANGAT... Selepas tiga bulan insiden simbah asid, pemain sayap Selangor FC Faisal Halim (dua, kanan) kembali disenarai sebagai pemain simpanan dalam perlawanan separuh akhir kedua Piala FA menentang Terengganu FC di Stadium MBPJ, Petaling Jaya pada 3 Ogos. Red Giants mara ke akhir dengan agregat 6-4. Foto BERNAMA

Sasar 61 emas SUKMA

Tawar insentif hingga RM10,000

Oleh **SOFIA NASIR**

SHAH ALAM - Insentif sehingga RM10,000 menanti atlet Selangor yang meraih pingat emas Sukan Malaysia (SUKMA) di Sarawak bermula 17 hingga 24 Ogos.

Dato' Menteri Besar berkata ganjaran itu diberi kepada atlet sukan individu, RM5,000 seorang (acara berpasukan bawah lima orang) dan RM3,000 seorang (acara berpasukan lebih lima orang).

"Ganjaran kepada atlet Selangor menyaksikan peningkatan tiga kali ganda berbanding temasya sama pada 2022, sesuai perubahan masa.

"Kita pernah beri ganjaran RM5,000 semasa kita jadi juara keseluruhan pada SUKMA 2016. Pada 2022, kita beri ganjaran RM3,500. Sesuai perubahan masa hampir 10 tahun ini, tiba masanya untuk kita nilai balik," kata Dato' Seri Amirudin Shari.

Beliau menyempurnakan Majlis Penyerahan Bendera Kontinjen Negeri Selangor ke Sukma XXI, Sarawak 2024 di, Seksyen 7 di sini pada 3 Ogos.

Majlis yang meraihan 704 atlet itu turut dihadiri EXCO Sukan Najwan Halimi dan Pengarah Eksekutif Majlis Sukan Negeri Mohamad Nizam Marjugi.

Amirudin berkata ganjaran bagi pemenang perak dan gangsa diumumkan kemu-

dian selain mahu kontinjen negeri berusaha memburu kejuaraan ke-10 SUKMA.

Menurutnya, sasaran 61 pingat emas relevan berdasarkan penilaian terhadap atlet malah semua acara yang disertai Selangor berpotensi membawa pulang pingat tertinggi itu.

"Selangor berpotensi menang semua acara. Tetapi ada beberapa acara yang kita sasar seperti renang, basikal, olahraga dan memanah, ini antara yang jadi tumpuan.


"Yang lain seperti judo, karate, teakwondo, silat juga ada potensi. Banyak sukan dalam bentuk subjektif, tetapi tidak boleh dijangka. Kita harap boleh menang," katanya.

pancawarna

Skwad badminton atasi pencapaian di Tokyo

Raih dua gangsa, beregu wanita pertama kali layak ke separuh akhir


9



Taasub, egomania dorong jenayah asmara

Pakar kriminologi dedah emosi, fantasi bawa kecelaruan fikiran pembunuh

10



Konflik Palestin makin memburuk

Siri pembunuhan tokoh Hamas, Hizbullah gugat gencatan senjata

12&13

